

## **D.R. 16/2010**

# **RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010**

---

## **SUSUNAN FASAL**

---

### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

#### Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

### **BAHAGIAN II**

#### **PELANTIKAN PEGAWAI, DSB.**

4. Pelantikan pegawai, dsb.
5. Perwakilan kuasa
6. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
7. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah
8. Membawa dan menggunakan senjata

### **BAHAGIAN III**

#### **PERUNTUKAN PELESENAN**

#### **Bab 1**

##### *Kehendak bagi lesen, dsb.*

9. Kehendak bagi lesen
10. Kehendak bagi permit
11. Kehendak bagi permit khas

## Bab 2

*Permohonan bagi lesen, dsb.*

## Fasal

12. Permohonan bagi lesen, dsb.
13. Maklumat atau dokumen tambahan
14. Pemberian lesen, dsb.
15. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan dan untuk mengubah atau membatalkan syarat
16. Kesahan lesen, dsb.
17. Membawa atau mempamerkan lesen, dsb.
18. Perubahan butir-butir
19. Kehilangan lesen, dsb.
20. Penggantian lesen, dsb.
21. Serah hak lesen, dsb.
22. Pemulangan lesen, dsb., apabila habis tempoh
23. Penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.
24. Lesen, dsb., menjadi tidak sah
25. Rayuan

## Bab 3

*Pelbagai*

26. Memburu dengan cara menembak
27. Tiada lesen semasa musim tutup
28. Prasyarat untuk mengendalikan zoo, dsb.
29. Larangan memiliki, dsb., jerat
30. Anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya disifatkan sebagai hidupan liar yang dilindungi
31. Halangan memegang lesen, dsb.
32. Had dalam memberikan lesen atau permit
33. Daftar
34. Kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan kaedah-kaedah
35. Kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan syarat-syarat

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN OBLIGASI-OBLIGASI PEMBURU BERLESEN, DSB.

Fasal

36. Pemburu berlesen hendaklah merekodkan butir-butir tertentu
37. Peniaga berlesen hendaklah menyimpan rekod
38. Pengawet haiwan berlesen hendaklah menyimpan rekod
39. Penerimaan hidupan liar untuk disediakan, dsb., oleh ahli taksidermi berlesen
40. Penjualan hidupan liar yang dilindungi oleh pemburu berlesen
41. Penjualan sarang oleh pemungut sarang
42. Pembelian hidupan liar yang dilindungi oleh peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen
43. Tempoh hidupan liar boleh dijual oleh peniaga berlesen
44. Pengeluaran resit
45. Penandaan hidupan liar
46. Menyimpan hidupan liar di premis lain

BAHAGIAN V

RIZAB HIDUPAN LIAR DAN KAWASAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

47. Perisytiharan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar
48. Kebenaran untuk memasuki rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar
49. Larangan perbuatan tertentu di dalam rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar

BAHAGIAN VI

PENGECUALIAN AM DAN ANGGAPAN

50. Memburu, dsb., bagi maksud pemuliharaan
51. Orang asli boleh memburu hidupan liar tertentu
52. Pegawai boleh memburu hidupan liar
53. Pemunya atau penduduk tanah boleh menggunakan getah burung untuk membinasakan burung yang memakan bijirin
54. Menangkap atau membunuh hidupan liar untuk melindungi tanaman

## Fasal

55. Hidupan liar yang menjadi bahaya serta-merta terhadap nyawa manusia boleh dibunuh
56. Anggapan cubaan untuk memburu jika denak digunakan
57. Anggapan menggunakan jerat
58. Anggapan terhadap penduduk
59. Keterangan berdasarkan andaian

## BAHAGIAN VII

## KESALAHAN DAN PENALTI

## Bab 1

*Kesalahan yang berhubungan dengan lesen*

60. Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen
61. Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi yang tidak matang tanpa lesen
62. Memburu, dsb., hidupan liar betina yang dilindungi tanpa lesen
63. Menjalankan urusan berniaga, dsb., tanpa lesen
64. Memungut sarang burung tanpa lesen
65. Mengimport, dsb., hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen

## Bab 2

*Kesalahan yang berhubungan dengan permit*

66. Mengendalikan zoo, dsb., tanpa permit
67. Menjalankan penyelidikan atau kajian tanpa permit

## Bab 3

*Kesalahan yang berhubungan dengan permit khas*

68. Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas
69. Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa permit khas
70. Memburu, dsb., hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas
71. Mengimport, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas

Fasal

72. Menggunakan, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas
73. Menjalankan penyelidikan atau kajian tanpa permit khas

Bab 4

*Pelbagai*

74. Merosakkan, dsb., sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi
75. Merosakkan, dsb., sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya
76. Memburu, dsb., hidupan liar dalam rizab atau kawasan perlindungan hidupan liar
77. Memburu hidupan liar pada masa yang dilarang
78. Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi pada musim tutup
79. Memburu hidupan liar dengan racun, dsb.
80. Memburu hidupan liar dengan senjata atau perangkap selain yang ditetapkan
81. Memburu, dsb., hidupan liar dalam empat ratus meter dari suatu jenut
82. Memburu hidupan liar dari pengangkut
83. Memiliki lesen, dsb., yang menunjukkan nama orang lain
84. Lesen, dsb., disimpan di alamat yang berbeza
85. Mengganggu jenut atau kawasan sekitarnya
86. Kezaliman terhadap hidupan liar
87. Benda yang mengandungi terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya
88. Memprovokasi hidupan liar

BAHAGIAN VIII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

89. Kesalahan di bawah Akta menjadi kesalahan boleh tangkap
90. Pemberikuasaan kepada pegawai awam
91. Kad kuasa
92. Kuasa penyiasatan
93. Kuasa menangkap
94. Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

## Fasal

95. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
96. Pemeriksaan ke atas orang
97. Kuasa untuk memasuki tanah
98. Kuasa untuk memasuki premis
99. Akses kepada data berkomputer
100. Mendirikan, dsb., sekatan di jalan, lebuh raya, dsb.
101. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
102. Waran boleh diterima walaupun cacat
103. Senarai benda yang disita
104. Pemulangan sementara pengangkut
105. Pelupusan hidupan liar
106. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
107. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
108. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
109. Pelepasan benda yang disita
110. Pelucuthakan hidupan liar, dsb., yang disita
111. Hak harta mengenai hidupan liar, dsb., yang dilucuthakkan
112. Kos memegang hidupan liar, dsb., yang disita
113. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
114. Halangan untuk menggeledah
115. Kuasa tambahan
116. Percantuman kesalahan

## BAHAGIAN IX

## AM

117. Spesies yang dikawal
118. Hibrid disifatkan spesies yang dikawal
119. Larangan terhadap aktiviti penghibridan
120. Pembelian hidupan liar yang dilindungi, dsb., oleh orang selain peniaga berlesen, dsb.
121. Penjualan hidupan liar yang diburu dengan menyalahi undang-undang

Fasal

122. Laporan mengenai hidupan liar berbahaya hendaklah dibuat
123. Laporan yang dibuat kepada pegawai awam hendaklah disampaikan kepada pegawai
124. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
125. Kesalahan am
126. Pengkompaunan kesalahan
127. Pemulaan pendakwaan
128. Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang
129. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
130. Perlindungan pemberi maklumat
131. Ganjaran
132. Peraturan-peraturan
133. Kuasa Menteri untuk membuat pengecualian
134. Kuasa untuk meminda Jadual
135. Peruntukan pemansuhan dan kecualian
136. Peruntukan peralihan





# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

**2.** (1) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana hidupan liar yang termasuk di bawah Senarai II Perlembagaan Persekutuan dan Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*].

**Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahagian atau terbitan” ertinya mana-mana bahagian besar yang lengkap atau bahagian atau terbitan suatu hidupan liar, yang dalam bentuk semula jadi, diisikan, didinginkan, diawetkan, dikeringkan, diproses atau selainnya dirawat atau disediakan yang boleh atau tidak boleh dikandungkan dalam sediaan, dan termasuklah—

- (a) daging, tulang, belulang, kulit, taring, tanduk, tanduk rusa, kelenjar, bulu pelepah, bulu, gigi, kuku, cangkerang, sisik, sarang dan telur;
- (b) tisu, darah, lemak, minyak, susu, bisa, air liur, air kencing dan najis;
- (c) apa-apa sebatian yang terbit daripada apa-apa yang disebut dalam perenggan (a) atau (b); atau
- (d) apa-apa benda yang didakwa oleh mana-mana orang, atau yang didapati daripada suatu dokumen yang disertakan, pembungkusan, suatu label atau tanda atau daripada apa-apa hal keadaan lain, sebagai mengandungi apa-apa bahagian atau terbitan hidupan liar;

“bahaya serta-merta kepada nyawa manusia” ertinya bahaya yang mengengainya terdapat alasan untuk mempercayai bahawa jika mana-mana hidupan liar tidak ditangkap atau dibunuh, hidupan liar itu boleh menyebabkan kehilangan nyawa manusia;

“eksport” ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara, mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar;

“eksport semula” ertinya eksport mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang sebelum ini telah diimport;

“hibrid” ertinya hasil kacukan—

- (a) mana-mana hidupan liar dengan mana-mana haiwan lain; atau
- (b) mana-mana hidupan liar dengan spesies hidupan liar yang lain;

“hidupan liar” ertinya mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak;

“hidupan liar yang dilindungi” ertinya mana-mana hidupan liar yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya” ertinya mana-mana hidupan liar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“hidupan liar yang tidak matang” ertinya mana-mana hidupan liar yang tidak memenuhi standard kematangan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

“hutan simpanan kekal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*];

“import” ertinya membawa atau menyebabkan supaya di bawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara, mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar;

“jenut” termasuklah apa-apa mata air galian atau tanah yang mempunyai atau mengandungi garam atau apa-apa galian lain, yang berfaedah untuk kesihatan atau kebaikan jika dimakan oleh hidupan liar;

“jerat” ertinya jerat yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh;

“kawasan perlindungan hidupan liar” ertinya suatu kawasan yang diisytiharkan di bawah Bahagian V sebagai suatu kawasan perlindungan hidupan liar;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara;

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini;

“memburu” termasuklah mengejar, memerangkap, menangkap, mengambil atau membunuh mana-mana hidupan liar dengan apa-apa cara yang ditetapkan, sama ada atau tidak hidupan liar itu pada masa itu atau kemudiannya diambil, diperangkap, ditangkap atau dibunuh;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perlindungan hidupan liar;

“musim terbuka” ertinya suatu tempoh yang dalamnya hidupan liar yang dilindungi boleh diburu sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;

“orang asli” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*];

“pegawai” ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“pegawai pelesen”—

- (a) berhubungan dengan suatu lesen, ertinya Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah; dan
- (b) berhubungan dengan suatu permit atau permit khas, ertinya Ketua Pengarah;

“pegawai penguat kuasa” ertinya

- (a) mana-mana pegawai;
- (b) mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Polis 1967 [*Akta 344*];
- (c) mana-mana pegawai kastam yang sewajarnya sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]; dan
- (d) mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara sah di bawah seksyen 90;

“pemiakbakaan dalam kurungan komersial” ertinya pembiakan hidupan liar dalam suatu persekitaran terkawal daripada induk yang mengawan atau selainnya memindahkan gametnya dalam suatu persekitaran terkawal bagi maksud komersial;

“pemburu berlesen” ertinya seseorang yang diberi suatu lesen untuk memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta ini;

“pemungut sarang burung” ertinya seseorang yang diberi suatu lesen untuk memungut sarang burung di bawah Akta ini;

“pengangkut” ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara dan apa-apa kaedah pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

“Pengarah” ertinya Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara;

“ahli taksidermi berlesen” ertinya seseorang yang diberi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan ahli taksidermi di bawah Akta ini;

“peniaga berlesen” ertinya seseorang yang diberi suatu lesen untuk menjalankan urusan berniaga di bawah Akta ini;

“Penolong Pengarah” ertinya seorang Penolong Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara;

“permit” ertinya suatu permit yang diberikan di bawah Akta ini;

“permit khas” ertinya suatu permit khas yang diberikan di bawah Akta ini;

“perniagaan taksidermi” ertinya suatu perniagaan yang melibatkan perjalanan aktiviti yang berikut:

- (a) menyediakan, mengawet, mengisi atau melekapkan mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar; atau
- (b) membuat atau mencipta suatu barang atau benda daripada mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar;

“urusan berniaga” ertinya suatu urusan yang melibatkan perjalanan aktiviti yang berikut:

- (a) menjual mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sebagai makanan atau bagi maksud perubatan;
- (b) menjual atau membeli untuk dijual semula mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi; atau

- (c) menempatkan, mengurung atau membiakkan mana-mana hidupan liar untuk dijual;

“persekitaran terkawal” termasuklah suatu persekitaran yang dimanipulasikan bagi maksud menghasilkan spesimen suatu spesies hidupan liar tertentu yang mempunyai sempadan yang direka bentuk untuk mencegah hidupan liar, telur atau gamet hidupan liar itu daripada memasuki atau meninggalkan persekitaran tertentu itu, dan yang ciri-ciri umumnya boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada tempat tinggal buatan, penyingkiran buangan, jagaan kesihatan, perlindungan daripada pemangsa, dan makanan yang dibekalkan secara tiruan;

“premis” termasuklah apa-apa rumah, bangunan, pondok, bangsal, struktur, platform dan tanah sama ada dipagari atau dibina di atasnya atau tidak;

“racun” ertinya apa-apa bahan yang berbahaya kepada mana-mana hidupan liar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat atau apa-apa bahan lain yang diperakui oleh ahli kimia Kerajaan sebagai berbahaya kepada mana-mana hidupan liar;

“Renjer” ertinya Renjer Hidupan Liar dan Taman Negara;

“rizab hidupan liar” ertinya suatu kawasan yang diisytiharkan di bawah Bahagian V sebagai rizab hidupan liar;

“sarang” ertinya apa-apa tempat tinggal, jerumun atau apa-apa struktur lain yang dibina atau digunakan oleh mana-mana hidupan liar untuk—

- (a) prokreasi;
- (b) bertelur;
- (c) mengeramkan telur;
- (d) melindungi telur atau anak yang tidak matang; atau
- (e) memelihara anak yang tidak matang;

“senjata” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Senjata 1960 [*Akta 206*];

“spesies yang dikawal” ertinya mana-mana spesies yang dinyatakan dalam Jadual Kelima yang menimbulkan bahaya kepada kesihatan atau keselamatan mana-mana orang atau menimbulkan bahaya kepada harta, hidupan liar atau habitat hidupan liar;

“tanah Negeri” ertinya tanah Negeri mengikut pengertian Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*];

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya seorang Timbalan Ketua Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara;

“Timbalan Pengarah” ertinya seorang Timbalan Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara;

“umpan” termasuklah apa-apa peralatan bunyi atau alat pandang dengar, lampu, garam atau belerang yang digunakan bagi maksud memerangkap mana-mana hidupan liar;

“umpan beracun” ertinya apa-apa umpan yang boleh menjadi tarikan kepada mana-mana hidupan liar yang disalut dengan, dicelup, dilumur atau selainnya diisi dengan, racun.

## BAHAGIAN II

### PELANTIKAN PEGAWAI, DSB.

#### **Pelantikan pegawai, dsb.**

4. (1) Maka hendaklah dilantik seorang Ketua Pengarah, apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Penolong Pengarah dan Renjer sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini.

(3) Tiap-tiap pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(5) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa dan budi bicara yang terletak hak pada Pengarah oleh Akta ini.

### **Pewakilan kuasa**

5. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana kuasa atau kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Pengarah daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana kuasa atau kewajipan yang diwakilkan itu.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

6. Menteri boleh memberikan arahan am kepada Ketua Pengarah yang selaras dengan Akta ini tentang perjalanan kuasa yang diberikan kepada, atau kewajipan yang hendaklah ditunaikan oleh, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain.

### **Kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah**

7. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran yang selaras dengan peruntukan Akta ini berkenaan dengan kawalan am, latihan, kewajipan dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

### **Membawa dan menggunakan senjata**

8. Tertakluk kepada perintah pentadbiran Ketua Pengarah, seseorang pegawai boleh membawa dan menggunakan senjata dalam menjalankan kuasa dan kewajipan di bawah Akta ini.



BAHAGIAN III

PERUNTUKAN PELESENAN

Bab 1

*Kehendak bagi lesen, dsb.*

**Kehendak bagi lesen**

9. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi;
- (b) mengambil atau menyimpan mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi;
- (c) memungut sarang burung;
- (d) menjalankan urusan berniaga;
- (e) menjalankan perniagaan taksidermi;
- (f) mengimport, mengeksport atau mengeksport semula mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi,

melainkan jika dia memegang suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(d), suatu lesen yang berasingan diperlukan bagi setiap aktiviti perniagaan itu.

(3) Seseorang yang berhasrat untuk menjalankan urusan berniaga atau perniagaan taksidermi di lebih daripada satu tempat perniagaan hendaklah memohon lesen yang berasingan bagi setiap tempat perniagaan.

**Kehendak bagi permit**

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) mengendalikan zoo;

- (b) mengendalikan pembiakbakaan dalam kurungan komersial;
- (c) mengendalikan sarkas atau pameran hidupan liar;
- (d) menjalankan penyelidikan atau kajian ke atas mana-mana hidupan liar yang dilindungi,

melainkan jika dia memegang suatu permit yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Jika pengendalian zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar melibatkan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, orang itu hendaklah memperoleh permit khas menurut seksyen 11 berkenaan dengan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya itu.

### **Kehendak bagi permit khas**

**11.** Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau mengambil atau menyimpan mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya;
- (b) mengimport, mengeksport atau mengeksport semula mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya;
- (c) memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi semasa musim tutup;
- (d) menjalankan penyelidikan atau kajian ke atas mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya;
- (e) menggunakan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi pengendalian zoo, sarkas atau pameran hidupan liarnya atau pembiakbakaan dalam kurungan komersial,

melainkan jika dia memegang suatu permit khas yang diberikan di bawah Akta ini.

Bab 2

*Permohonan bagi lesen, dsb.*

**Permohonan bagi lesen, dsb.**

**12.** (1) Seseorang boleh memohon supaya suatu lesen atau permit diberikan kepadanya dengan mengemukakan kepada pegawai pelesen suatu permohonan dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Seseorang boleh memohon supaya suatu permit khas diberikan kepadanya dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada pegawai pelesen dengan menyatakan alasan bagi membuat permohonan itu.

(3) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

**Maklumat atau dokumen tambahan**

**13.** (1) Pegawai pelesen boleh, pada bila-bila masa selepas diterimanya permohonan di bawah seksyen 12, meminta pemohon supaya memberi pegawai pelesen, dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, maklumat atau dokumen tambahan mengenai permohonan itu.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh pegawai pelesen, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi boleh diteruskan, tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan yang baru.

**Pemberian lesen, dsb.**

**14.** (1) Pegawai pelesen boleh, setelah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah seksyen 12, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Dalam hal suatu permohonan bagi permit khas, pegawai pelesen boleh meluluskan permohonan hanya setelah kelulusan Menteri diperoleh.

(3) Jika suatu permohonan bagi suatu lesen, permit atau permit khas diluluskan, lesen, permit atau permit khas itu hendaklah diberikan apabila fi yang ditetapkan dibayar.

(4) Suatu lesen, permit atau permit khas boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh pegawai pelesen patut dikenakan.

(5) Keputusan pegawai pelesen untuk memberikan atau tidak memberikan lesen, permit atau permit khas hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

### **Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan dan untuk mengubah atau membatalkan syarat**

**15.** (1) Pegawai pelesen boleh pada bila-bila masa—

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen, permit atau permit khas; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen, permit atau permit khas.

(2) Jika pegawai pelesen berhasrat untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah memberi pemegang lesen, permit atau permit khas suatu notis bertulis mengenai hasratnya untuk berbuat demikian dan peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen, permit atau permit khas, pegawai pelesen hendaklah memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat di bawah subseksyen (1).

(4) Pegawai pelesen hendaklah memberi pemegang lesen, permit atau permit khas itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

**Kesahan lesen, dsb.**

**16.** Suatu lesen, permit atau permit khas, melainkan melainkan jika terlebih dahulu digantung atau dibatalkan, hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khas itu.

**Membawa atau mempamerkan lesen, dsb.**

**17.** (1) Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas hendaklah, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) membawa lesen atau permit khas semasa memburu mana-mana hidupan liar atau mengambil mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar;
- (b) mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaannya, jika dia ialah peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen; atau
- (c) apabila diminta oleh seorang pegawai, mengemukakan lesen, permit atau permit khas bagi pemeriksaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Perubahan butir-butir**

**18.** Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas hendaklah, apabila terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana butir yang direkodkan dalam lesen, permit atau permit khasnya, dengan segera memaklumkan mengenai perubahan itu kepada pegawai pelesen.

**Kehilangan lesen, dsb.**

**19.** Jika suatu lesen, permit atau permit khas hilang, pemegang lesen, permit atau permit khas itu hendaklah—

- (a) dengan segera membuat laporan polis mengenai kehilangan itu;
- (b) dengan segera memaklumkan pegawai pelesen mengenai kehilangan itu; dan
- (c) menghentikan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di bawah lesen, permit atau permit khas itu sehingga dia mendapat suatu salinan lesen, permit atau permit khas di bawah seksyen 20.

**Penggantian lesen, dsb.**

**20.** (1) Jika suatu lesen, permit atau permit khas hilang, cacat atau rosak, pemegang lesen, permit atau permit khas itu boleh memohon bagi salinan lesen, permit atau permit khas itu daripada pegawai pelesen dan permohonan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dan—

- (a) dalam hal lesen, permit atau permit khas yang hilang, salinan laporan polis berhubung dengan kehilangan itu; atau
- (b) dalam hal lesen, permit atau permit khas yang cacat atau rosak, lesen, permit atau permit khas yang asal.

(2) Pegawai pelesen boleh meluluskan atau menolak permohonan di bawah subseksyen (1).

(3) Jika pegawai pelesen meluluskan permohonan itu, pegawai pelesen hendaklah mengeluarkan suatu salinan lesen, permit atau permit khas dengan perkataan “PENDUA” diendorskan pada salinan lesen, permit atau permit khas itu.

**Serah hak lesen, dsb.**

**21.** (1) Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas tidak boleh menyerahkan apa-apa hak, kewajipan, liabiliti atau obligasi di bawah lesen, permit atau permit khasnya kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Pemulangan lesen, dsb., apabila habis tempoh**

**22.** (1) Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas hendaklah memulangkan lesen, permit atau permit khasnya kepada pegawai pelesen dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh habis tempohnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.**

**23.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang pegawai pelesen boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen, permit atau permit khas jika pegawai pelesen berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen, permit atau permit khas itu telah melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khas itu;
- (b) pemegang lesen, permit atau permit khas itu telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya;
- (c) pemegang lesen, permit atau permit khas itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya; atau
- (d) pemberian lesen, permit atau permit khas itu telah didorong oleh representasi palsu mengenai fakta oleh atau bagi pihak pemegang lesen, permit atau permit khas itu.

(2) Pegawai pelesen tidak boleh menggantung atau membatalkan lesen, permit atau permit khas melainkan jika pegawai pelesen berpuas hati, selepas memberi pemegang lesen, permit atau permit khas peluang untuk membuat apa-apa representasi secara bertulis yang dia berhasrat untuk membuat, bahawa lesen, permit atau permit khas itu patut digantung atau dibatalkan.

(3) Jika suatu lesen, permit atau permit khas digantung atau dibatalkan, lesen, permit atau permit khas itu tidak akan berkuat kuasa semasa tempoh penggantungan atau dari tarikh pembatalan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika suatu lesen, permit atau permit khas dibatalkan di bawah subseksyen (1), pemegang lesen, permit atau permit khas itu hendaklah dengan segera menyerahkan balik lesen, permit atau permit khas itu kepada pegawai pelesen.

(5) Keputusan pegawai pelesen untuk menggantung atau membatalkan lesen, permit atau permit khas atau tidak menggantung atau membatalkan lesen, permit atau permit khas hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen, permit atau permit khas melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

### **Lesen, dsb., menjadi tidak sah**

**24.** Mana-mana lesen, permit atau permit khas yang diberikan bertentangan dengan peruntukan Akta ini adalah tidak sah.

### **Rayuan**

**25.** (1) Seseorang yang terkilan—

(a) dengan keengganan pegawai pelesen untuk memberikan lesen, permit atau permit khas; atau

(b) dengan penggantungan atau pembatalan lesen, permit atau permit khususnya,

boleh, dalam tempoh tiga puluh hari setelah diberitahu secara bertulis mengenai keengganan, penggantungan atau pembatalan itu, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, setelah menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang dirayukan itu, dan keputusan Menteri adalah muktamad.



### **Memburu dengan cara menembak**

**26.** Suatu lesen atau permit khas untuk memburu mana-mana hidupan liar dengan cara menembak hanya boleh diberikan jika orang yang memohon lesen atau permit khas itu memegang lesen senjata yang dikeluarkan di bawah Akta Senjata 1960 dan lesen senjata itu hendaklah dikemukakan semasa memohon lesen atau permit khas itu.

### **Tiada lesen semasa musim tutup**

**27.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 11, tiada lesen boleh diberikan untuk memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi semasa musim tertutup.

### **Prasyarat untuk mengendalikan zoo, dsb.**

**28.** Pegawai pelesen tidak boleh memberikan permit untuk mengendalikan zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar, melainkan jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) penubuhan atau penerusan penubuhan zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar tidak akan mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan dan keselamatan mana-mana orang atau komuniti di kawasan sekeliling;
- (b) suatu pelan kecemasan yang berhubungan dengan wabak, bencana alam dan pembebasan tidak sengaja mana-mana hidupan liar telah disediakan; dan
- (c) orang itu tidak pernah sebelum ini disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubungan dengan kezaliman terhadap haiwan.

**Larangan memiliki, dsb., jerat**

**29.** (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memiliki atau menyimpan apa-apa jerat; atau
- (b) memasang, meletakkan atau menggunakan mana-mana jerat bagi maksud memburu mana-mana hidupan liar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berhubungan dengan kesalahan di bawah perenggan (a), didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) berhubungan dengan kesalahan di bawah perenggan (b), didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya disifatkan sebagai hidupan liar yang dilindungi**

**30.** Anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang dibiakbaka dalam kurungan bagi maksud komersial hendaklah disifatkan sebagai hidupan liar yang dilindungi dan adalah tertakluk kepada lesen atau permit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Halangan memegang lesen, dsb.**

**31.** Jika seseorang pernah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, dia boleh dihalang daripada memegang apa-apa lesen, permit atau permit khas bagi tempoh tidak melebihi lima tahun bermula pada tarikh prosiding berkenaan dengan sabitan itu diselesaikan dengan muktamad.

**Batasan dalam memberikan lesen atau permit**

**32.** (1) Pegawai pelesen boleh memberikan lesen atau permit mengikut kuota yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pegawai pelesen dengan kelulusan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan lesen atau permit sebagai tambahan kepada kuota yang ditetapkan.

## **Daftar**

**33.** Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan daftar lesen, permit dan permit khas yang diberikan di bawah Akta ini.

## **Kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan kaedah-kaedah**

**34.** Ketua Pengarah boleh, melalui kaedah-kaedah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan kaedah dan cara pelupusan, kawalan penyakit atau kuarantin, mana-mana hidupan liar, yang hendaklah dipatuhi oleh pengendali zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar.

## **Kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan syarat-syarat**

**35.** Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan syarat-syarat berkenaan dengan pemberian lesen, permit dan permit khas dan tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas boleh dengan khususnya menetapkan—

- (a) musim terbuka dan musim tutup berkenaan dengan hidupan liar yang dilindungi;
- (b) bilangan—
  - (i) hidupan liar yang boleh diburu; dan
  - (ii) bahagian atau terbitan hidupan liar yang boleh diambil;
- (c) kaedah atau cara mana-mana hidupan liar boleh diburu, termasuk jenis senjata atau perangkap yang hendaklah digunakan;
- (d) masa dan tempat mana-mana hidupan liar boleh diburu, atau sarang atau telur mana-mana hidupan liar boleh diambil;

- (e) kuota lesen dan permit untuk diberikan bagi—
- (i) setiap aktiviti yang dinyatakan di bawah seksyen 9 dan 10;
  - (ii) setiap tahun atau musim terbuka; dan
  - (iii) setiap Negeri, berkenaan dengan setiap hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar; dan
- (f) standard kematangan hidupan liar yang boleh diburu.

#### BAHAGIAN IV

##### KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMBURU BERLESEN, DSB.

#### **Pemburu berlesen hendaklah merekodkan butir-butir tertentu**

**36.** (1) Seorang pemburu berlesen yang memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau seorang pemegang permit khas yang memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, jika berkenaan, hendaklah merekodkan dalam ruang yang sesuai yang disediakan dalam lesen atau permit khas—

- (a) bilangan, jantina dan spesies hidupan liar yang diburu;
- (b) tarikh dan tempat hidupan liar itu diburu;
- (c) kaedah atau cara hidupan liar itu diburu; dan
- (d) kaedah dan tarikh pelupusan, termasuk nombor lesen, permit atau permit khas pembeli sekiranya hidupan liar itu dijual.

(2) Mana-mana pemburu berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Peniaga berlesen hendaklah menyimpan rekod**

**37.** (1) Seorang peniaga berlesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu rekod yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) bilangan dan spesies hidupan liar (hidup atau mati), bilangan bahagian atau terbitan hidupan liar dan bilangan barang yang dibuat daripada mana-mana hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, yang dibeli, diperoleh atau dijual;
- (b) nama, alamat dan nombor lesen orang yang daripadanya hidupan liar, bahagian atau terbitan hidupan liar atau barang dibeli atau diperoleh;
- (c) nama, alamat dan nombor lesen, jika ada, orang yang kepadanya hidupan liar, bahagian atau terbitan hidupan liar atau barang dijual;
- (d) nombor resit yang dikeluarkan bagi apa-apa penjualan atau pembelian; dan
- (e) tarikh apa-apa pembelian, perolehan atau penjualan.

(2) Mana-mana peniaga berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Ahli taksidermi berlesen hendaklah menyimpan rekod**

**38.** (1) Seorang ahli taksidermi berlesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh, masa dan orang yang daripadanya hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar diterima;
- (b) nama, alamat dan nombor lesen pemunya hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar; dan
- (c) tarikh dan masa hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar dipulangkan kepada pemunya.

(2) Mana-mana ahli taksidermi berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penerimaan hidupan liar untuk disediakan, dsb., oleh ahli taksidermi berlesen**

**39.** (1) Seorang ahli taksidermi berlesen tidak boleh menerima mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar untuk disediakan, diawet, diisi atau dilekapkan melainkan jika orang yang menghantar hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar itu memberikan bukti kepada ahli taksidermi berlesen itu bahawa hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar itu diambil atau diperoleh secara sah menurut Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

(2) Mana-mana ahli taksidermi berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penjualan hidupan liar yang dilindungi oleh pemburu berlesen**

**40.** (1) Seorang pemburu berlesen boleh menjual hidupan liar yang dilindungi yang ditangkap atau diambilnya hanya kepada peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen.

(2) Mana-mana pemburu berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Penjualan sarang burung oleh pemungut sarang burung**

**41.** (1) Seorang pemungut sarang burung boleh menjual sarang burung yang dipungutnya hanya kepada seorang peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen.

(2) Mana-mana pemungut sarang burung yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya

**Pembelian hidupan liar yang dilindungi oleh peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen**

**42.** (1) Seorang peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen hendaklah membeli atau memperoleh hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi hanya daripada pemburu berlesen, peniaga berlesen, ahli taksidermi berlesen, atau Pengarah jika hidupan liar yang dilindungi itu dijual oleh Pengarah menurut Akta ini.

(2) Mana-mana peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Tempoh hidupan liar boleh dijual oleh peniaga berlesen**

**43.** (1) Seorang peniaga berlesen boleh menjual mana-mana hidupan liar yang dilindungi semasa musim terbuka sehingga tiga puluh hari yang pertama dalam musim tutup dan selepas itu tidak boleh menjual mana-mana hidupan liar yang dilindungi melainkan jika musim terbuka kemudiannya diisytiharkan bagi hidupan liar yang dilindungi itu.

(2) Mana-mana peniaga berlesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pengeluaran resit**

**44.** (1) Seorang peniaga berlesen, ahli taksidermi berlesen dan pemungut sarang burung hendaklah, pada masa setiap penjualan, mengeluarkan suatu resit penjualan kepada pembeli.

(2) Mana-mana peniaga berlesen, ahli taksidermi berlesen atau pemungut sarang burung yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penandaan hidupan liar**

**45.** (1) Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas yang menyimpan, menjual, mengimport, mengeksport, mengeksport semula atau membiakkan mana-mana hidupan liar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menandakan atau melabel hidupan liar itu mengikut cara yang berikut:

- (a) pengimplanan peranti boleh imbas dalam hidupan liar itu;
- (b) peletakan gelung pada mana-mana bahagian hidupan liar itu;
- (c) peletakan, sama ada melalui penyucukan atau selainnya, tatu atau cecincin pada mana-mana bahagian hidupan liar itu; atau
- (d) pelabelan atau penandaan bekas yang di dalamnya hidupan liar itu disimpan.

(2) Penandaan atau pelabelan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hingga (c) hanya boleh dilakukan oleh orang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk berbuat demikian.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Menyimpan hidupan liar di premis lain**

**46.** (1) Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas yang berhasrat untuk menyimpan hidupan liarnya di mana-mana premis selain premis yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khasnya hendaklah terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada pegawai pelesen.



(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

### RIZAB HIDUPAN LIAR DAN KAWASAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

#### **Perisytiharan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar**

**47.** Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Menteri, dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) mengisytiharkan mana-mana tanah Negeri sebagai suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar dan menetapkan pegawai yang pada masa itu mempunyai kawalan ke atas rizab atau tempat perlindungan itu;
- (b) menetapkan dan mengubah sempadan rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu;
- (c) dalam hal rizab hidupan liar, menetapkan haiwan dan burung tertentu (yang bukan hidupan liar mengikut Akta ini) sebagai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau hidupan liar yang dilindungi (mengikut kehendak keadaan) yang hendaklah menjadi tambahan kepada senarai mana-mana hidupan liar yang dinyatakan dalam Jadual-Jadual kepada Akta ini.

#### **Kebenaran untuk memasuki rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar**

**48.** (1) Tiada seorang pun boleh memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu kebenaran bertulis daripada Pengarah yang membenarkannya berbuat demikian.

(2) Tiada seorang pun boleh diberi suatu kebenaran bertulis membenarkannya memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah dengan membuat permohonan bertulis bahawa dia berhasrat untuk memasuki rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu bagi maksud seni, sains atau rekreasi.

(3) Suatu kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah menyatakan tempoh pemegang kebenaran itu dibenarkan untuk memasuki rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu, dan tempoh itu tidak boleh melebihi satu bulan tetapi boleh diperbaharui bagi tempoh sehingga satu bulan pada sesuatu masa.

(4) Jika seseorang dibenarkan untuk memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar, dia boleh dikehendaki supaya diiringi oleh Pengarah atau oleh mana-mana pegawai lain.

### **Larangan perbuatan tertentu di dalam rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar**

**49.** Tiada seorang pun boleh—

- (a) di dalam suatu rizab hidupan liar, mengganggu, memotong, mengalihkan atau mengambil apa-apa tanah, kayu atau tumbuh-tumbuhan;
- (b) di dalam suatu kawasan perlindungan hidupan liar—
  - (i) memburu mana-mana haiwan atau burung;
  - (ii) mengambil, mengganggu, merosakkan atau memusnahkan sarang atau telur mana-mana haiwan atau burung; atau
  - (iii) mengganggu, memotong, mengalihkan atau mengambil apa-apa tanah, kayu atau tumbuh-tumbuhan.

BAHAGIAN VI

PENGECUALIAN AM DAN ANGGAPAN

**Memburu, dsb., bagi maksud pemuliharaan**

**50.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, bagi maksud menjalankan apa-apa aktiviti pemuliharaan, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh membiakkan, menyimpan, memburu, mengimport, mengeksport, menjual atau membeli mana-mana hidupan liar.

(2) “Aktiviti pemuliharaan” ertinya suatu aktiviti yang berhubungan dengan perlindungan, pengurusan dan penggunaan lestari hidupan liar.

**Orang asli boleh memburu hidupan liar tertentu**

**51.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, seseorang orang asli boleh memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi yang dinyatakan dalam Jadual Keenam sebagai makanannya atau makanan anggota keluarganya.

(2) Mana-mana hidupan liar yang dilindungi yang diburu di bawah subseksyen (1) tidak boleh dijual atau ditukarkan dengan makanan, keuntungan kewangan atau apa-apa benda lain.

(3) Mana-mana orang asli yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Pegawai boleh memburu hidupan liar**

**52.** Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, seorang pegawai yang bertindak secara suci hati dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini boleh memburu mana-mana hidupan liar jika—

- (a) hidupan liar itu berbahaya kepada nyawa atau harta manusia; atau
- (b) ia adalah perlu atau suai manfaat untuk mengelakkan hidupan liar itu daripada menderita dengan tidak sepatutnya.

**Pemunya atau penduduk tanah boleh menggunakan getah burung untuk membinasakan burung yang memakan bijirin**

**53.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, seseorang pemunya atau penduduk tanah boleh, dengan kelulusan bertulis Pengarah, menggunakan getah burung bagi membinasakan secara suci hati burung-burung yang memakan bijirin yang didapati merosakkan atau membinasakan bijirin yang sedang tumbuh semasa tanaman itu masak atau sedang masak.

(2) Pengarah boleh, apabila memberikan kelulusannya di bawah seksyen ini, memberikan arahan—

(a) tentang pemasangan getah burung itu; dan

(b) tentang pengawasan dan kawalan yang mencukupi terhadap penggunaan getah burung itu.

(3) Seseorang pemunya atau penduduk tanah yang dibenarkan untuk menggunakan getah burung hendaklah mematuhi arahan dalam subseksyen (2).

(4) Pemunya atau penduduk tanah hendaklah, apabila tanaman itu dituai, memusnahkan apa-apa getah burung dan apa-apa bekas, kayu atau apa-apa bahan lain yang padanya getah burung telah digunakan.

(5) Seseorang pemunya atau penduduk yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Menangkap atau membunuh hidupan liar untuk melindungi tanaman**

**54.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, jika mana-mana hidupan liar menyebabkan, atau terdapat sebab untuk mempercayai bahawa ia akan menyebabkan, kerosakan yang serius kepada tanam-tanaman, sayur-sayuran, buah-buahan, pokok kayu yang sedang membesar, ayam ternakan atau haiwan ternakan dalam milikan seseorang pemunya atau penduduk tanah, pemunya atau penduduk itu atau pekerjanya atau mana-mana pegawai boleh menangkap atau membunuh hidupan liar itu selepas terlebih dahulu menggunakan usaha yang munasabah untuk menakutkan hidupan liar itu supaya ia lari dan gagal untuk berbuat demikian.

(2) Jika mana-mana hidupan liar telah menyebabkan kerosakan yang serius di bawah subseksyen (1) tetapi telah berhenti berbuat demikian, hidupan liar itu tidak boleh ditangkap atau dibunuh.

(3) Pemunya atau penduduk tanah hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, melaporkan kepada mana-mana pegawai butir-butir mengenai kejadian itu, termasuk spesies hidupan liar, kerosakan dan senjata yang digunakan (jika ada) dan sama ada hidupan liar itu ditangkap atau dibunuh.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana hidupan liar yang ditangkap atau dibunuh di bawah seksyen ini hendaklah menjadi harta Negeri dan hendaklah tanpa kelengahan diserahkan kepada seorang pegawai.

### **Hidupan liar yang menjadi bahaya serta-merta terhadap nyawa manusia boleh dibunuh**

**55.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, mana-mana orang boleh membunuh mana-mana hidupan liar jika hidupan liar itu menjadi bahaya serta-merta kepada nyawa manusia.

(2) Jika bahaya serta-merta kepada nyawa manusia itu ialah akibat daripada suatu provokasi atau pencederaan terhadap hidupan liar itu oleh orang yang membunuh hidupan liar itu, orang itu adalah terlepas daripada kesalahan hanya berkenaan dengan pembunuhan hidupan liar itu tetapi dia boleh dipertuduh berkenaan dengan provokasi atau pencederaan itu di bawah seksyen 88.

(3) Mana-mana orang yang membunuh mana-mana hidupan liar menurut seksyen ini hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, melaporkan kepada mana-mana pegawai butir-butir mengenai kejadian itu, termasuk spesies hidupan liar yang telah dibunuh dan senjata yang telah digunakan.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana hidupan liar yang dibunuh di bawah seksyen ini hendaklah menjadi harta Negeri dan hendaklah tanpa kelengahan diserahkan kepada mana-mana pegawai.

### **Anggapan cubaan untuk memburu jika denak digunakan**

**56.** Jika mana-mana orang dijumpai memasang, meletakkan, menggunakan atau selainnya memiliki mana-mana haiwan atau burung, liar atau selainnya, dalam hal keadaan bahawa terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa orang itu menggunakan haiwan atau burung itu sebagai denak atau umpan bagi maksud menarik mana-mana hidupan liar, maka hendaklah dianggap bahawa orang itu cuba untuk memburu mana-mana hidupan liar.

### **Anggapan menggunakan jerat**

**57.** Jika seseorang dijumpai mempunyai dalam milikannya suatu jerat, maka hendaklah dianggap bahawa jerat itu digunakan oleh orang itu bagi maksud memburu hidupan liar.

### **Anggapan terhadap penduduk**

**58.** (1) Jika mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar atau jerat dijumpai di dalam mana-mana premis, maka hendaklah dianggap bahawa penduduk premis itu memiliki hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar atau jerat itu.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang penduduk di dalam premis itu, penduduk bahagian premis yang di dalamnya hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar atau jerat itu dijumpai hendaklah dianggap sebagai penduduk bagi maksud subseksyen (1).

### **Keterangan berdasarkan andaian**

**59.** Jika Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diperakui secara bertulis oleh Ketua Pengarah mempunyai pengetahuan khusus atau kemahiran mengenai hidupan liar memberikan keterangan dengan bersumpah dalam mahkamah bahawa apa-apa benda atau barang, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah hidupan liar,

bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, daging hidupan liar, trofi, belantik, ranjau, lubang, penurunan, jerat, umpan atau umpan beracun, maka hendaklah dianggapkan, sehingga akasnya dibuktikan, bahawa benda atau barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, daging hidupan liar, trofi, belantik, ranjau, lubang, penurunan, jerat, umpan atau umpan beracun.

## BAHAGIAN VII

### KESALAHAN DAN PENALTI

#### Bab 1

##### *Kesalahan yang berhubungan dengan lesen*

#### **Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen**

**60.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang—

- (a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi (selain hidupan liar yang dilindungi yang tidak matang atau hidupan liar betina yang dilindungi); atau
- (b) mengambil atau menyimpan mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi,

tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) dan kesalahan itu membabitkan *Common Shama* (*Copsychus malabaricus*), *Oriental White Eye* (*Zosterops palpebrosa*), atau *Hill Myna* (*Gracula religiosa*), melebihi dua puluh kepala, hendaklah dihukum dengan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi yang tidak matang tanpa lesen**

**61.** Mana-mana orang yang memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi yang tidak matang tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Memburu, dsb., hidupan liar betina yang dilindungi tanpa lesen**

**62.** Mana-mana orang yang memburu atau menyimpan hidupan liar betina yang dilindungi tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Menjalankan urusan berniaga, dsb., tanpa lesen**

**63.** Mana-mana orang yang menjalankan urusan berniaga atau perniagaan taksidermi tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Memungut sarang burung tanpa lesen**

**64.** Mana-mana orang yang memungut sarang burung tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Mengimport, dsb., hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen**

**65.** Mana-mana orang yang mengimport, mengeksport atau mengeksport semula mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi



tanpa suatu lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Bab 2

*Kesalahan yang berhubungan dengan permit*

**Mengendalikan zoo, dsb., tanpa permit**

66. Mana-mana orang yang mengendalikan zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar tanpa suatu permit melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tujuh puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Menjalankan penyelidikan atau kajian tanpa permit**

67. Mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan atau kajian ke atas mana-mana hidupan liar yang dilindungi tanpa suatu permit melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bab 3

*Kesalahan yang berhubungan dengan permit khas*

**Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas**

68. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang —

- (a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (selain hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang atau hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya); atau
- (b) mengambil atau menyimpan mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya,

tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) dan kesalahan itu membabitkan—

- (a) *Pangolin (Manis javanica)*, *Blood Python (Python brongersmai)*, *Harlequin Monitor (Varanus rudicollis)*, *Dumeril's Monitor (Varanus dumerilli)* atau *Clouded Monitor (Varanus bengalensis)*, melebihi dua puluh kepala, hendaklah dihukum dengan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;
- (b) *Crested Argus (Rheinardia ocellata)*, *Mountain Peacock Pheasant (Polyplectron inopinatum)*, *Great Argus (Argusianus argus)*, *Green Peafowl (Pavo muticus)*, *Straw-headed Bulbul (Pycnonotus zeylanicus)*, *Rhinoceros Hornbill (Buceros rhinoceros)*, *Great Hornbill (Buceros bicornis)*, *Plain-pouched Hornbill (Aceros subruficollis)* atau *Helmeted Hornbill (Rhinoplax vigil)*, hendaklah dihukum dengan denda tidak kurang daripada tiga puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit dan dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun; atau
- (c) *Serow (Capricornis sumatrensis)*, *Gaur (Bos gaurus)*, *Javan Rhinoceros (Rhinoceros sondaicus)*, *Sumatran Rhinoceros (Dicerorhinus sumatrensis)*, *Tiger (Panthera tigris)*, *Leopard (Panthera pardus)*, *Clouded Leopard (Neofelis nebulosa)* atau *False Gharial (Tomistoma schlegelii)*, hendaklah dihukum dengan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit dan dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

### **Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa permit khas**

**69.** Mana-mana orang yang memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh,

apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

**Memburu, dsb., hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas**

70. Mana-mana orang yang memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

**Mengimport, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas**

71. Mana-mana orang yang mengimport, mengeksport atau mengeksport semula mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada tiga puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

**Menggunakan, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas**

72. Mana-mana orang yang—

- (a) menggunakan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi pengendalian zoo, sarkas atau pameran hidupan liarnya; atau
- (b) menggunakan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi pengendalian pembiakbakaan dalam kurungan komersialnya,

tanpa suatu permit khas, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Menjalankan penyelidikan atau kajian tanpa permit khas**

**73.** Mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan atau kajian ke atas mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tujuh puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## Bab 4

*Pelbagai***Merosakkan, dsb., sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi**

**74.** Mana-mana orang yang merosakkan atau membinasakan sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Merosakkan, dsb., sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya**

**75.** Mana-mana orang yang merosakkan atau memusnahkan sarang atau telur hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Memburu, dsb., hidupan liar dalam rizab atau kawasan perlindungan hidupan liar**

**76.** Mana-mana orang yang, sama ada dia seorang pemegang lesen atau permit khas atau selainnya—

(a) memburu mana-mana hidupan liar; atau

(b) mengambil, memusnahkan atau merosakkan sarang atau telur mana-mana hidupan liar;

di dalam rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Memburu hidupan liar pada masa yang dilarang**

**77.** Mana-mana orang, sama ada dia seorang pemburu berlesen, pemegang permit khas atau selainnya, yang memburu mana-mana hidupan liar pada masa selain masa yang ditetapkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi pada musim tutup**

**78.** Mana-mana orang yang, sama ada dia seorang pemburu berlesen atau selainnya, memburu mana-mana hidupan liar yang dilindungi pada musim tutup melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Memburu hidupan liar dengan racun, dsb.**

**79.** (1) Mana-mana orang yang, sama ada dia pemburu berlesen, pemegang permit khas atau selainnya, memasang, meletakkan atau menggunakan apa-apa racun, umpan, umpan beracun, getah burung atau jaring bagi maksud memburu mana-mana hidupan liar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana pegawai awam yang meletakkan atau menggunakan apa-apa racun dalam menjalankan kewajipan rasminya bagi maksud membinasakan perosak tanaman atau tumbuh-tumbuhan berbahaya tertakluk kepada pengawasan Pengarah tentang pemasangan atau penggunaan racun itu.

**Memburu hidupan liar dengan senjata atau perangkap selain yang ditetapkan**

**80.** Mana-mana orang, sama ada dia pemburu berlesen, pemegang permit khas atau selainnya, yang memburu mana-mana hidupan liar dengan apa-apa senjata atau perangkap selain yang ditetapkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Memburu, dsb., hidupan liar dalam empat ratus meter dari suatu jenut**

**81.** Mana-mana orang, sama ada pemburu berlesen, pemegang permit khas atau selainnya—

- (a) yang memburu mana-mana hidupan liar dalam empat ratus meter dari suatu jenut;
- (b) yang ada dalam milikannya apa-apa senjata, panah dan anak panah, sumpit, lembing, lastik atau apa-apa benda lain, yang boleh digunakan untuk memburu mana-mana hidupan liar dalam empat ratus meter dari suatu jenut; atau
- (c) yang menunggu di mana-mana tempat, membina apa-apa pelantar atau tempat berlindung atau memasang atau meletakkan apa-apa perangkap, racun, umpan beracun, getah burung atau jaring bagi maksud memburu mana-mana hidupan liar dalam empat ratus meter dari suatu jenut,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Memburu hidupan liar dari pengangkut**

**82.** Mana-mana orang, sama ada dia pemburu berlesen, pemegang permit khas atau selainnya, yang memburu mana-mana hidupan liar dari mana-mana pengangkut melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Memiliki lesen, dsb., yang menunjukkan nama orang lain**

**83.** Mana-mana orang yang, tanpa apa-apa alasan yang munasabah, memiliki atau dijumpai di dalam premisnya, lesen, permit atau permit khas orang lain, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Lesen, dsb., disimpan di alamat yang berbeza**

**84.** Seorang pemegang lesen, permit atau permit khas yang, tanpa apa-apa alasan yang munasabah, menyimpan lesen, permit atau permit khasnya di suatu alamat selain alamat yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khasnya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Mengganggu jenut atau kawasan sekitarnya**

**85.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, mana-mana orang yang mengganggu—

(a) mana-mana jenut; atau

(b) tanah yang berhampiran dengan kawasan sekitar mana-mana jenut, yang jika tanah itu diganggu akan menjadikan jenut itu tidak menarik perhatian atau tidak selamat kepada mana-mana hidupan liar,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “mengganggu” termasuklah mengalihkan atau mengacau apa-apa tanah, galian, air, pokok, pokok renek, tumbuhan bawah atau tumbuh-tumbuhan lain di dalam atau di atas jenut atau di dalam atau di atas tanah yang berhampiran dengan kawasan sekitar jenut itu.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi—

(a) Kerajaan Persekutuan; atau

(b) mana-mana Kerajaan Negeri;

yang bertindak, mengikut kehendak keadaan, menurut apa-apa skim pembangunan luar bandar, skim pembangunan bandar, skim pengurusan hutan atau industri perusahaan.

### **Kezaliman terhadap hidupan liar**

**86.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, mana-mana orang yang—

- (a) memukul, menendang, memberangkan, menakutkan, menyeksa, mencabut kuku atau mencabut taring mana-mana hidupan liar;
- (b) cuai untuk memberikan makanan atau air yang cukup kepada mana-mana hidupan liar yang ditempatkan, dikurung atau dibiak olehnya;
- (c) menyimpan, menempatkan, mengurung atau membiakkan mana-mana hidupan liar dalam apa-apa cara yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak patut termasuk menempatkan, mengurung atau membiakkan mana-mana hidupan liar di dalam mana-mana premis yang tidak sesuai atau kondusif bagi kesejahteraan atau kesihatan hidupan liar itu;
- (d) menggunakan mana-mana hidupan liar untuk melaksanakan atau membantu dalam pelaksanaan apa-apa kerja atau perburuhan yang tidak boleh dilaksanakan oleh hidupan liar itu oleh sebab kelemahan, luka, penyakit atau apa-apa hilang upaya yang lain;
- (e) menggunakan, memprovokasi atau memberangkan mana-mana hidupan liar bagi maksud mengumpannya atau untuk melagakannya dengan mana-mana hidupan liar atau haiwan lain, atau menguruskan mana-mana premis atau tempat bagi mana-mana maksud itu; atau
- (f) dengan sengaja melakukan atau dengan sengaja meninggalkan daripada dilakukan apa-apa yang menyebabkan apa-apa penderitaan, kesakitan atau ketidakselesaan yang tidak perlu kepada mana-mana hidupan liar,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.



(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang mencederakan mana-mana hidupan liar semasa memburu dengan sah di bawah Akta ini.

**Benda yang mengandungi terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya**

**87.** Mana-mana orang yang menjual apa-apa benda yang mengandungi atau didakwa mengandungi apa-apa terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Memprovokasi hidupan liar**

**88.** Mana-mana orang yang memprovokasi atau mencederakan mana-mana hidupan liar yang kemudiannya menjadi bahaya serta merta kepada nyawa manusia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VIII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

**Kesalahan di bawah Akta menjadi kesalahan boleh tangkap**

**89.** Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

**Pemberikuasaan kepada pegawai awam**

**90.** Ketua Pengarah boleh secara bertulis memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

**Kad kuasa**

**91.** (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa dan pegawai awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 90 suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

(2) Bila mana pegawai sedemikian menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa penyiasatan**

**92.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa untuk mengesan dan menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, maka diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis daripada apa-apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh ditangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan baginya.

**Kuasa menangkap**

**93.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubung dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

**Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**94.** (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada seorang pegawai penguat kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan; atau
- (b) terdapat dalam mana-mana premis keterangan yang perlu kepada pengendalian penyiasatan terhadap,

pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa itu untuk—

- (a) menggeledah premis itu bagi, dan untuk menyita atau memindahkan dari premis itu mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang dipercayai dengan munasabah dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, melalui pengujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda yang dijumpai di dalam premis itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan pelengkapan sebagaimana yang didapatinya perlu.

(4) Pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(5) Pegawai penguat kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (4) atau seksyen 95 boleh menyita atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda yang baginya ada sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain bagi kesalahan itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(6) Pegawai penguat kuasa, dalam pelaksanaan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam atau tingkap premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau galangan lain kepada premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (b) memindahkan dengan kekerasan apa-apa galangan terhadap kemasukan, pengeledahan, penyitaan atau pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga pengeledahan itu selesai.

(7) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, pegawai penguat kuasa hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(8) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (7) atau memindahkan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan

mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**95.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 94 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai penguat kuasa itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 94 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Pemeriksaan ke atas orang**

**96.** Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan mengambil kira dengan tegas akan kesopanan.

### **Kuasa untuk memasuki tanah**

**97.** Walau apa pun seksyen 94 dan 95, seseorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah Negeri, tanah rizab, hutan simpanan kekal, tanah pemberian hakmilik dan tanah lombong tanpa suatu waran bagi maksud mencegah atau mengesan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

**Kuasa untuk memasuki premis**

**98.** Walau apa pun seksyen 94 dan 95, seseorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada seseorang pegawai penguat kuasa; atau
- (c) mengambil sampel mana-mana hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar.

**Akses kepada data berkomputer**

**99.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada disimpan di dalam sesuatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “akses”—

- (a) termasuklah diberikan dengan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer itu difahami; dan
- (b) mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*].

**Mendirikan, dsb., sekatan di jalan, lebuh raya, dsb.**

**100.** (1) Ketua Pengarah boleh, jika dia mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dilakukan, memberi arahan kepada mana-mana pegawai penguat kuasa untuk mendapatkan bantuan daripada polis untuk mendirikan atau ditempatkan sesuatu rintangan atau sekatan jalan raya di mana-mana jalan awam atau lebuh raya atau di mana-mana tempat awam untuk tujuan menahan mana-mana pengangkut untuk diperiksa.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memberhentikan apa-apa pengangkut di bawah subseksyen (1) boleh menjalankan semua kuasa yang disebut dalam seksyen 100.

**Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut**

**101.** (1) Jika seorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan menggeledah pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang dijumpai di dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa itu menggeledahnya; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk dikeledah dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pengeledahan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Pegawai penguat kuasa itu boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika ia adalah perlu untuk berbuat demikian, menahan mana-mana orang yang ditemui di dalam pengangkut itu sehingga selesai pengeledahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Waran boleh diterima walaupun cacat**

**102.** Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

### **Senarai benda yang disita**

**103.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita dan tempat di mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada—

(a) penduduk premis di mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita itu dijumpai; atau

(b) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut jika penyitaan dibuat di bawah seksyen 100 atau 101.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana premis yang tidak diduduki, pegawai penguat kuasa itu hendaklah bila-bila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu supaya mudah dilihat di atau pada premis itu.



### **Pemulangan sementara pengangkut**

**104.** (1) Jika apa-apa pengangkut disita di bawah Akta ini, mahkamah boleh buat sementara memulangkan pengangkut itu kepada pemunya pengangkut itu atau orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah, dan tertakluk, walau bagaimanapun, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa pengangkut itu akan diserahkan balik kepada mahkamah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik pengangkut itu kepada mahkamah apabila diminta; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pelupusan hidupan liar**

**105.** (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa pada menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini menyita mana-mana hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, dia hendaklah dengan segera mengemukakan hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar itu di hadapan seorang Majistret yang akan memerintahkan supaya hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar itu dimusnahkan atau selainnya dilupuskan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika oleh sebab—

- (a) sifat, saiz atau amaun hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar; atau
- (b) jarak atau hal keadaan;

adalah tidak boleh dilaksanakan untuk membawa hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar itu di hadapan seorang Majistret, Pengarah boleh memerintahkan supaya hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar itu dilepaskan atau dilupuskan sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**106.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada pendapat pegawai penguat kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadirannya itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

### **Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**107.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa itu, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan atau tidak.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas —

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

### **Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**108.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai penguat kuasa dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Jika mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau pembelaan, selain orang tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan orang tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai penguat kuasa dalam perjalanan penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudian, jika mahkamah fikirkan patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya orang tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika orang tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa perjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa perjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam perjalanan perbarisan cam atau tergolong dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan yang berhubungan dengan—

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

mana-mana pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang pegawai penguat kuasa dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

### **Pelepasan benda yang disita**

**109.** (1) Jika mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda telah disita di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Pendakwa Raya, melepaskan hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini, dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai penguat kuasa yang membuat pelepasan hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh tujuh hari daripada pelepasan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu telah dibuat dengan suci hati.

### **Pelucuthakan hidupan liar, dsb., yang disita**

**110.** (1) Mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita dan boleh dilucut hak di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaannya telah diadakan dan suatu perintah bagi pelucuthakan hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dilakukan dan bahawa hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu adalah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya hidupan liar, bahagian atau terbitan

mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu, melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu tidak boleh dilucut hak boleh memberi sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis suatu notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu dipegang bahawa dia menuntut hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa hendaklah merujukkan perkara itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menuntut bahawa dia ialah pemunya hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu dan orang yang daripadanya hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu disita untuk hadir di hadapan Majistret itu, dan apabila mereka hadir atau mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dilakukan dan bahawa hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Majistret itu hendaklah memerintahkan supaya mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah dan hendaklah dilupuskan dalam apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

### **Hak harta mengenai hidupan liar, dsb., yang dilucuthakkan**

**111.** Mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Kerajaan.

### **Kos memegang hidupan liar, dsb., yang disita**

**112.** Jika mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan, oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**113.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Halangan untuk menggeledah**

**114.** Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai penguat kuasa akses kepada mana-mana premis yang pegawai penguat kuasa itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggagalkan atau melengahkan mana-mana pegawai penguat kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai penguat kuasa itu berhak membuatnya di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (c) enggan memberi mana-mana pegawai penguat kuasa apa-apa maklumat berhubungan dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya atau apa-apa maklumat lain yang boleh semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam pengetahuannya atau dalam kuasanya untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.



### **Kuasa tambahan**

**115.** (1) Seorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod dan dokumen dan meneliti, memeriksa, dan menyalin mana-mana daripadanya;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Percantuman kesalahan**

**116.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 164 Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang dituduh atas lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, dia boleh dipertuduh atas dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam jarak masa tidak kira apa jua pun tempohnya.

## **BAHAGIAN IX**

### **AM**

### **Spesies yang dikawal**

**117.** (1) Tiada seorang pun boleh menyimpan, menjual, membeli, mengimport atau mengeksport mana-mana spesies yang dikawal yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Hibrid disifatkan spesies yang dikawal**

**118.** Bagi maksud Akta ini, hibrid hendaklah disifatkan sebagai spesies yang dikawal dan hendaklah tertakluk kepada seksyen 117.

### **Larangan terhadap aktiviti penghibridan**

**119.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti penghibridan tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pembelian hidupan liar yang dilindungi, dsb., oleh orang selain peniaga berlesen, dsb.**

**120.** (1) Seseorang, selain peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen, hendaklah membeli atau memperoleh mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi daripada—

(a) peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen; atau

(b) Pengarah jika ia dijual oleh Pengarah menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Penjualan hidupan liar yang diburu dengan menyalahi undang-undang**

**121.** (1) Mana-mana hidupan liar—

- (a) yang diburu di bawah seksyen 53, 54 atau 55 atau dengan melanggar peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya; atau
- (b) yang bangkainya yang tidak dituntut dijumpai di mana-mana tanah Negeri atau hutan rizab kekal atau mana-mana tanah lain,

boleh dijual atau dilupuskan oleh Pengarah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(2) Semua wang yang diterima di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri di mana hidupan liar itu diburu atau yang bangkainya yang tidak dituntut dijumpai.

**Laporan mengenai hidupan liar berbahaya hendaklah dibuat**

**122.** (1) Mana-mana orang yang mencederakan hidupan liar berbahaya hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membuat suatu laporan kepada mana-mana pegawai atau pegawai daerah bagi daerah di mana haiwan liar berbahaya itu telah dcederakan.

(2) Laporan itu hendaklah menyatakan hidupan liar berbahaya itu, senjata yang telah menyebabkan kecederaan itu, masa, tarikh dan tempat hidupan liar itu dcederakan.

(3) Jika orang yang mencederakan hidupan liar berbahaya itu tidak dapat membuat laporan disebabkan oleh luka parah, dia hendaklah, sebaik sahaja dia mendapat peluang yang munasabah, meminta mana-mana orang lain untuk membuat laporan sebagaimana yang dinyatakan oleh seksyen ini.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “haiwan liar berbahaya” ertinya gajah (*Elephas maximus*), seladang (*Bos gaurus*), beruang (*Helarctos malayanus*), harimau (*Panthera tigris*), harimau bintang (*Panthera*

*pardus*), harimau kumbang, babi hutan (*sus scrofa*) dan mana-mana hidupan liar lain yang menjadi bahaya serta-merta kepada nyawa manusia menurut seksyen 55.

**Laporan yang dibuat kepada pegawai awam hendaklah disampaikan kepada pegawai**

**123.** Jika—

- (a) apa-apa laporan atau aduan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Akta ini dibuat;
- (b) apa-apa maklumat berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Akta ini disampaikan; atau
- (c) mana-mana hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar diserahkan,

kepada mana-mana pegawai awam, dia hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, memaklumkan perkara itu kepada mana-mana pegawai.

**Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

**124.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa pelaksanaan kesalahan itu ialah ketua pegawai eksekutif, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira

jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjaanya dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

### **Kesalahan am**

**125.** Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya;
- (b) mana-mana perintah yang dibuat oleh Majistret atau Menteri menurut Akta ini;
- (c) mana-mana perintah atau arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini; atau
- (d) mana-mana syarat atau kehendak yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khas,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pengkompaunan kesalahan**

**126.** (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun maksimum denda bagi kesalahan itu, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, jerat, perangkap, umpan, umpan beracun, senjata, pengangkut, buku, rekod, dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah mengikut syarat kompaun.

**Pemulaan pendakwaan**

**127.** Tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang**

**128.** Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) seseorang pegawai penguat kuasa atau pegawai; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan seorang pegawai penguat kuasa atau pegawai,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**129.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau pegawai berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya.

### **Perlindungan pemberi maklumat**

**130.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua laluan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Ganjaran**

**131.** Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya dibayar apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, atau berkaitan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Peraturan-peraturan**

**132.** (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik atau bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh atau dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat berkenaan dengan yang berikut:

- (a) penyebaran maklumat mengenai hidupan liar termasuk tabiat pembiakannya, habitat, spesies dan jalan atau cara membantu untuk memulihara hidupan liar;
- (b) pentadbiran dan pengurusan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar;
- (c) syarat-syarat hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau hidupan liar yang dilindungi boleh disimpan dan dibiakkan;



- (d) cara-cara melupuskan hidupan liar;
- (e) pengawalseliaan pengendalian zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar;
- (f) spesifikasi bekas untuk mengimport dan mengeksport hidupan liar hidup;
- (g) fi yang kena dibayar di bawah Akta ini;
- (h) kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa Menteri untuk membuat pengecualian**

**133.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau mana-mana aktiviti atau kelas aktiviti yang berhubungan dengan hidupan liar daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

### **Kuasa untuk meminda Jadual**

**134.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual-Jadual kepada Akta ini.

### **Peruntukan pemansuhan dan kecualian**

**135.** (1) Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [*Akta 76*] (“Akta yang dimansuhkan”) dimansuhkan.

(2) Semua perisytiharan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terus mempunyai kuat kuasa seolah-olah perisytiharan itu telah dibuat di bawah peruntukan Akta ini.

(3) Orang yang dilantik di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terus menjadi pegawai di bawah Akta ini seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah seksyen 4 Akta ini.

(4) Semua peraturan, arahan dan perintah yang dibuat, lesen, permit dan permit khas yang dikeluarkan dan rekod yang disimpan, di bawah Akta yang dimansuhkan, hendaklah terus dikuatkuasakan dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat, dikeluarkan dan disimpan di bawah Akta ini.

(5) Semua permohonan, kelulusan dan keputusan yang belum selesai, atas rayuan atau selainnya, yang berhubungan dengan lesen, permit atau permit khas hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta ini.

(6) Apa-apa siasatan, perbincangan dan prosiding yang dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah dan mengikut peruntukan Akta yang dimansuhkan.

### **Peruntukan peralihan**

**136.** (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sedang mengusahakan suatu aktiviti yang Akta ini terpakai baginya hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon bagi suatu lesen, permit atau permit khas di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), pegawai pelesen hendaklah mengeluarkan suatu pengakuteraan penerimaan kepada orang itu.

(3) Sementara menunggu keputusan permohonan itu, orang itu boleh terus mengusahakan aktiviti itu.

(4) Mana-mana orang yang menyimpan atau memiliki mana-mana spesies yang dikawal hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, melaporkan kepada Ketua Pengarah mengenai

spesies yang dikawal itu dan Ketua Pengarah hendaklah, apabila diterima laporan itu, menimbangkan sama ada untuk membenarkan orang itu menyimpan atau memiliki spesies itu atau tidak.

(5) Kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (4) boleh tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(6) Jika Ketua Pengarah tidak memberikan kebenaran di bawah subseksyen (4), Ketua Pengarah boleh menyita dan melupuskan spesies yang dikawal itu dan tiada pampasan kena dibayar oleh Ketua Pengarah bagi pelupusan spesies yang dikawal itu.

JADUAL PERTAMA

[seksyen 3]

HIDUPAN LIAR YANG DILINDUNGI

**Tafsiran Jadual Pertama**

1. Spesies yang dimasukkan dalam Jadual ini disebut—
  - (a) dengan nama spesies itu; atau
  - (b) sebagai semua spesies yang termasuk dalam suatu takson yang lebih tinggi atau bahagian yang ditetapkan daripadanya.
2. Singkatan “spp.” digunakan untuk menandakan semua spesies daripada suatu takson yang lebih tinggi.
3. Sebutan lain mengenai taksa yang lebih tinggi daripada spesies adalah bagi maksud maklumat atau pengelasan sahaja. Nama biasa yang dimasukkan selepas nama saintifik bagi sesuatu keluarga adalah untuk rujukan sahaja. Ia bertujuan untuk menunjukkan spesies dalam keluarga yang berkenaan yang dimasukkan dalam Jadual ini. Dalam kebanyakan hal, ini bukanlah semua spesies dalam keluarga itu.
4. Jika terdapat percanggahan antara istilah saintifik dengan istilah biasa dalam penggunaan nama mana-mana spesies dalam Jadual ini, istilah saintifik hendaklah terpakai.

BAHAGIAN I  
(SPESIES BURUAN)

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<b>KELAS MAMALIA (MAMALIA)</b>		
<i>Cercopithecidae</i> (Old world monkeys)	<i>Presbytis melalophos</i>	Lotong Ceneka
	<i>Trachypithecus cristatus</i>	Silvered-leaf Monkey
	<i>Trachypithecus obscurus</i>	Dusky-leaf Monkey
<i>Cervidae</i> (Rusa, guemals, muntjacs, pudus)	<i>Muntiacus muntjak</i>	Kijang
	<i>Rusa unicolor</i>	Rusa Sambar
<i>Hystricidae</i> (Landak)	<i>Atherurus macrourus</i>	Landak Nibong, Landak Batu
	<i>Hystrix brachyura</i>	Landak Raya
<i>Pteropodidae</i> (Kelawar, Keluang)	<i>Pteropus hypomelanus</i>	Kluang Kecil
	<i>Pteropus vampyrus</i>	Kluang
<i>Suidae</i> (Babirusa, pygmy hog)	<i>Sus scrofa</i>	Babi Hutan
<i>Tragulidae</i> (Pelanduk, Napuh)	<i>Tragulus javanicus</i>	Pelanduk
	<i>Tragulus napu</i>	Napuh
<i>Viverridae</i> (Binturong, musang, linsang, musang memerang, musang pandan)	<i>Paradoxurus hermaphroditus</i>	Musang Pulut
	<i>Viverra zangalla</i>	Musang Tenggalung
<b>KELAS AVES (BURUNG)</b>		
<i>Charadriidae</i> (Kedidi)	<i>Charadrius asiaticus</i>	Kedidi Caspian
<i>Columbidae</i> (Punai)	<i>Chalcophaps indica</i>	Punai Tanah
	<i>Treron olax</i>	Punai Siul
	<i>Treron vernans</i>	Pink-necked Green Pigeon
<i>Dromadidae</i> (Kedidi Ketam)	<i>Dromas ardeola</i>	Kedidi Ketam
<i>Phasianidae</i> (Grouse, guineafowl, partridges, kuang, tragopan)	<i>Coturnix chinensis</i>	Pikau
	<i>Gallus gallus</i>	Ayam Hutan
<i>Rallidae</i> (Ruak-ruak)	<i>Amaurornis phoenicurus</i>	Ruak-ruak
	<i>Poliolimnas cinereus</i>	Sintar Perut Kelabu

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Turdidae</i> ( <i>Thrushes</i> )	<i>Caladris minutillus</i>	Kedidi Jari Panjang
	<i>Capella gallinago</i>	Berkek Ekor Kipas
	<i>Capella nemoricola</i>	Wood Snipe
	<i>Glaveola pratincola</i>	Kedidi Padang
	<i>Heteroscelus incanus</i>	Kucau Tongkeng Kelabu
	<i>Sphenurus seimundi</i>	Punai Gunung

BAHAGIAN 2

(LAIN-LAIN)

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<b>KELAS MAMALIA (MAMALIA)</b>		
<i>Aotidae</i> ( <i>Night monkeys</i> )	<i>Aotus</i> spp.	<i>Night monkeys</i>
<i>Atelidae</i> ( <i>Howling Monkey, Spider Monkey, Woolly Monkey</i> )	<i>Alouatta</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Howling Monkey</i>
	<i>Ateles</i> spp. (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Spider Monkey</i>
	<i>Lagothrix</i> spp.	<i>Woolly Monkey</i>
<i>Bovidae</i> ( <i>Antelopes, kerbau, duikers, gazelles, kambing, biri-biri</i> )	<i>Ammotragus lervia</i>	<i>Barbary Sheep</i>
	<i>Antilope cervicapra</i>	<i>Blackbuck</i>
	<i>Bison bison athabascae</i>	<i>Wood Bison</i>
	<i>Bubalus arnee</i>	<i>Wild Asiatic Buffalo</i>
	<i>Budorcas taxicolor</i>	<i>Takin</i>
	<i>Cephalophus brookei</i>	<i>Duiker</i>
	<i>Cephalophus dorsalis</i>	<i>Bay Duiker</i>
	<i>Cephalophus ogilbyi</i>	<i>Ogilby's Duiker</i>
	<i>Cephalophus silvicultor</i>	<i>Yellow-backed Duiker</i>
	<i>Cephalophus zebra</i>	<i>Banded Duiker</i>
	<i>Damaliscus pygargus pygargus</i>	<i>Bontebok</i>
	<i>Gazella dorcas</i>	<i>Dorcas Gazelle</i>
	<i>Kobus leche</i>	<i>Lechwe</i>
	<i>Ovis ammon</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Argali</i>
	<i>Ovis canadensis</i> (hanya populasi Mexico)	<i>Bighorn Sheep</i>
<i>Ovis vignei</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Red Sheep</i>	

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Philantomba monticola</i>	<i>Blue Duiker</i>
	<i>Saiga borealis</i>	<i>Mongolian Saiga</i>
	<i>Saiga tatarica</i>	<i>Saiga Antelope</i>
	<i>Tetracerus quadricornis</i>	<i>Four-horned Antelope</i>
<i>Bradyrodidae</i> ( <i>Three-toed sloth</i> )	<i>Bradypus variegatus</i>	<i>Brown-Throated Sloth</i>
<i>Camelidae</i> ( <i>Guanaco, vicugna</i> )	<i>Lama glama guanicoe</i>	<i>Guanaco</i>
	<i>Vicugna vicugna</i> (hanya populasi Argentina, Bolivia, Chile dan Peru)	<i>Vicugna</i>
<i>Canidae</i> (Anjing hutan, rubah, serigala)	<i>Canis aureus</i>	<i>Common Jackal</i>
	<i>Canis lupus</i> (kecuali populasi Bhutan, India, Nepal dan Pakistan yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Common Wolf</i>
	<i>Cerdocyon thous</i>	<i>Forest Fox</i>
	<i>Chrysocyon brachyurus</i>	<i>Maned Wolf</i>
	<i>Lycalopex culpaeus</i>	<i>Red Fox</i>
	<i>Lycalopex griseus</i>	<i>Argentine Grey Fox</i>
	<i>Lycalopex gymnocercus</i>	<i>Azara's Zorro</i>
	<i>Vulpes bengalensis</i>	<i>Bengal Fox</i>
	<i>Vulpes cana</i>	<i>Afghan Fox</i>
	<i>Vulpes vulpes griffithii</i>	<i>Red Fox</i>
	<i>Vulpes vulpes montana</i>	<i>Red Fox</i>
	<i>Vulpes vulpes pusilla</i>	<i>Red Fox</i>
	<i>Vulpes zerda</i>	<i>Fennec Fox</i>
<i>Cebidae</i> ( <i>New world monkeys</i> )	<i>Callithrix</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Marmoset</i>
	<i>Cebus</i> spp.	<i>Kapuchin</i>
	<i>Saguinus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Tamarin</i>
	<i>Saimiri</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Squirrel Monkey</i>
<i>Cercopithecidae</i> ( <i>Old world monkeys</i> )	<i>Macaca fascicularis</i>	<i>Kera</i>
	<i>Macaca nemestrina</i>	<i>Berok</i>
	<i>Allenopithecus nigroviridis</i>	<i>Allen's Swamp Monkey</i>
	<i>Cercocebus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Mangabey</i>
	<i>Cercopithecus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Monkey</i>

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Chlorocebus</i> spp.	Green Monkey
	<i>Colobus</i> spp.	Colobus
	<i>Erythrocebus</i>	Patas Monkey
	<i>Lophocebus</i> spp.	Mangabey
	<i>Macaca</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Macaques
	<i>Miopithecus</i> spp.	Southern Talapoin
	<i>Papio</i> spp.	Babun
	<i>Ptilocolobus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Red Colobus
	<i>Presbytis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Thomas's Langur
	<i>Procolobus verus</i>	Olive Colobus
	<i>Theropithecus gelada</i>	Gelada Baboon
<i>Trachypithecus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Langur	
<i>Cervidae</i> (Rusa, guemals, kijang, pudus)	<i>Cervus elaphus bactrianus</i>	Bactrian Deer
	<i>Cervus elaphus barbarus</i>	Atlas Deer
	<i>Mazama temama cerasina</i>	Guatemalan Red Brocket
	<i>Odocoileus virginianus mayensis</i>	Guatemalan White-Tailed Deer
	<i>Pudu mephistophiles</i>	Northern Pudu
<i>Cuniculidae</i> (Paca)	<i>Cuniculus paca</i>	Paca
<i>Dasypodidae</i> (Armadillos)	<i>Cabassous centralis</i>	Northern Naked-Tailed Armadillo
	<i>Cabassous tatouay</i>	Greater Naked-Tailed Armadillo
	<i>Chaetophractus nationi</i>	Bolivian Hairy Armadillo
<i>Dasyproctidae</i> (Agouti)	<i>Dasyprocta punctata</i>	Central American Agouti
<i>Elephantidae</i> (Gajah)	<i>Loxodonta africana</i> (hanya populasi Botswana, Namibia, Afrika Selatan dan Zimbabwe; kesemua populasi lain termasuk dalam Jadual Kedua)	Gajah Afrika
<i>Equidae</i> (Kuda, wild asses, zebra)	<i>Equus hemionus</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Asian Wild Ass
	<i>Equus kiang</i>	Kiang
	<i>Equus zebra hartmannae</i>	Hartmann's Mountain Zebra

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Erethizontidae</i> ( <i>New world porcupines</i> )	<i>Sphiggurus mexicanus</i>	<i>Mexican Hairy Dwarf Porcupine</i>
	<i>Sphiggurus spinosus</i>	<i>Orange-spined Hairy Dwarf Porcupine</i>
<i>Erinaceidae</i> ( <i>Shrew</i> )	<i>Hyloms suillus</i>	<i>Pig-tailed Shrew</i>
<i>Eupleridae</i> ( <i>Fosa, Cerpelai, Musang</i> )	<i>Cryptoprocta ferox</i>	<i>Fosa</i>
	<i>Eupleres goudotii</i>	<i>Malagasy Mongoose</i>
	<i>Fossa fossana</i>	<i>Malagasy Civet</i>
<i>Felidae</i> ( <i>Kucing Liar</i> )	<i>Caracal caracal</i> (kecuali populasi Asia yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Caracal</i>
	<i>Felidae</i> spp.	<i>Cats</i>
	<i>Felis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Cats</i>
	<i>Leptailurus serval</i>	<i>Serval</i>
	<i>Leopardus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Wild cat</i>
	<i>Lynx</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Lynx</i>
	<i>Prionailurus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Cats</i>
	<i>Profelis aurata</i>	<i>African Golden Cat</i>
	<i>Puma concolor</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Puma</i>
	<i>Panthera leo</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Singa</i>
	<i>Puma yagouaroundi</i> (kecuali populasi Amerika Tengah dan Amerika Utara yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Eyra Cat</i>
<i>Galagidae</i> ( <i>Galagos</i> )	<i>Euoticus elegantulus</i>	<i>Elegant Galago</i>
	<i>Euoticus pallidus</i>	<i>Northern Needle-clawed Bushbaby</i>
	<i>Galago</i> spp.	<i>Bushbabies</i>
	<i>Otolemur</i> spp.	<i>Bushbabies</i>
<i>Herpestidae</i> ( <i>Cerpelai</i> )	<i>Herpestes fuscus</i>	<i>Indian Brown Mongoose</i>
	<i>Herpestes smithii</i>	<i>Ruddy Mongoose</i>
	<i>Herpestes vitticollis</i>	<i>Stripe-necked Mongoose</i>



<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Hippopotamidae</i> (Badak Air)	<i>Hexaprotodon liberiensis</i>	Pygmy Hippopotamus
	<i>Hippopotamus amphibius</i>	Large Hippo
<i>Hyaenidae</i> (Aardwolf)	<i>Proteles cristata</i>	Aardwolf
<i>Hystricidae</i> (Landak)	<i>Hystrix</i> spp. (hanya populasi Ghana dan Denmark)	Porcupine
<i>Lorisidae</i> (Kongkang)	<i>Arctocebus aureus</i>	Golden Potto
	<i>Arctocebus calabarensis</i>	Angwantibo
	<i>Loris lydekkerianus</i>	Grey Slender Loris
	<i>Loris tardigradus</i>	Slender Loris
	<i>Perodicticus potto</i>	Potto Gibbon
	<i>Pseudopotto martini</i>	False Potto
<i>Megalonychidae</i> (Two-toed sloth)	<i>Choloepus hoffmanni</i>	Hoffmann's Two-toed Sloth
<i>Mephitidae</i> (Skunk)	<i>Conepatus humboldtii</i>	Humboldt's Hog-nosed Skunk
<i>Moschidae</i> (Musk deer)	<i>Moschus</i> spp. (kecuali populasi Afghanistan, Bhutan, India, Myanmar, Nepal dan Pakistan yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Musk deer
<i>Mustelidae</i> (Badgers, martens, musang, weasels)	<i>Aonyx capensis</i>	Clawless Otter
	<i>Aonyx capensis microdon</i> (kecuali populasi Cameroon dan Nigeria yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Cameroon Clawless Otter
	<i>Eira barbara</i>	Tayra
	<i>Enhydra lutris</i> (kecuali subspecies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Sea Otter
	<i>Galictis vittata</i>	Allamand's Grison
	<i>Hydrictis maculicollis</i>	Speckle-throated Otter
	<i>Lontra canadensis</i>	River Otter
	<i>Lutra</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Common Otter
	<i>Lutrinae</i> spp.	Otters
	<i>Martes foina intermedia</i>	Beech Marten
<i>Myrmecophagidae</i> (American anteaters)	<i>Myrmecophaga tridactyla</i>	Giant Anteater
	<i>Tamandua mexicana</i>	Northern Tamandua
<i>Phalangeridae</i> (Cuscuses)	<i>Phalanger</i> spp.	Cuscus
	<i>Spiloglossus</i> spp.	Cuscus
<i>Phyllostomidae</i> (Broad-nosed bat)	<i>Platyrrhinus lineatus</i>	White-lined Bat

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Pitheciidae</i> ( <i>New world monkeys</i> )	<i>Callicebus</i> spp.	<i>Titi</i>
	<i>Chiropotes</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Bearded Saki</i>
	<i>Pithecia</i> spp.	<i>Saki</i>
<i>Procyonidae</i> ( <i>Coatis, kinkajou, olingos</i> )	<i>Bassaricyon gabbii</i>	<i>Bushy-tailed Olingo</i>
	<i>Bassariscus sumichrasti</i>	<i>Cacomistle</i>
	<i>Nasua narica</i>	<i>Northern Coati</i>
	<i>Nasua nasua solitaria</i>	<i>South Brazilian Coati</i>
<i>Pteropodidae</i> ( <i>Fruit bats, flying foxes</i> )	<i>Potos flavus</i>	<i>Kinkajou</i>
	<i>Acerodon</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Kluang</i>
<i>Pteropus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)		<i>Kluang</i>
<i>Ptilocercidae</i> ( <i>Tree shrew</i> )	<i>Ptilocercus lowii</i>	<i>Pen-tailed Tree Shrew</i>
<i>Rhinocerotidae</i> ( <i>Rhinoceroses</i> )	<i>Ceratotherium simum</i> (kecuali subspecies dan populasi Afrika Selatan dan Swaziland; populasi-populasi lain yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Southern Square-lipped Rhinoceros</i>
<i>Sciuridae</i> ( <i>Ground squirrels, tree squirrels</i> )	<i>Epixerus epii</i>	<i>Ebian's Palm Squirrel</i>
	<i>Marmota caudata</i>	<i>Long-tailed Marmot</i>
	<i>Marmota himalayana</i>	<i>Himalayan Marmot</i>
	<i>Ratufa</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Giant Squirrels</i>
	<i>Sciurus deppei</i>	<i>Deppe's Squirrel</i>
<i>Soricidae</i> ( <i>Shrews</i> )	<i>Chimarrogale platycephala</i>	<i>Flat-headed Water Shrew</i>
<i>Talpidae</i> ( <i>Mole</i> )	<i>Talpa micrura</i>	<i>Himalayan Mole</i>
<i>Tachyglossidae</i> ( <i>Echidnas</i> )	<i>Zaglossus</i> spp.	<i>Long-nosed Echidnas</i>
<i>Tarsiidae</i> ( <i>Tarsiers</i> )	<i>Tarsius</i> spp.	<i>Tarsiers</i>
<i>Tayassuidae</i> ( <i>Peccaries</i> )	<i>Pecari tajacu</i> (kecuali populasi Mexico dan Amerika Syarikat)	<i>Collared Peccary</i>
	<i>Tayassu pecari</i>	<i>White-lipped Peccary</i>
	<i>Tayassuidae</i> spp.	<i>Peccary</i>
<i>Tupaïidae</i> ( <i>Tree shrews</i> )	<i>Dendrogale melanura</i>	<i>Bornean Smooth-tailed Treeshrew</i>
	<i>Tupaia dorsalis</i>	<i>Striped Treeshrew</i>

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Tupaia glis</i>	<i>Malaysian Tree Shrew</i>
	<i>Tupaia gracilis</i>	<i>Slender Treeshrew</i>
	<i>Tupaia longipes</i>	<i>Bornean Treeshrew</i>
	<i>Tupaia montana</i>	<i>Mountain Treeshrew</i>
	<i>Tupaia minor</i>	<i>Lesser Treeshrew</i>
	<i>Tupaia picta</i>	<i>Painted Treeshrew</i>
	<i>Tupaia tana</i>	<i>Large Treeshrew</i>
	<i>Anathana ellioti</i>	<i>Indian Treeshrew</i>
	<i>Dendrogale murina</i>	<i>Mainland Slender-tailed Treeshrew</i>
	<i>Tupaia spp.</i>	<i>Treeshrews</i>
	<i>Urogale everetti</i>	<i>Mindanao Treeshrew</i>
<i>Ursidae</i> (Beruang, panda)	<i>Ursus spp.</i> (kecuali spesies dan populasi Bhutan, China, Mexico and Mongolia yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Beruang
	<i>Ursidae spp.</i>	Beruang
<i>Viverridae</i> (Binturong, musang, linsang, musang memerang)	<i>Civettictis civetta</i>	<i>African Civet</i>
	<i>Paradoxurus jerdoni</i>	<i>Jerdon's Palm Civet</i>
	<i>Viverra civettina</i>	<i>Malabar Civet</i>
	<i>Viverricula indica</i>	<i>Small Indian Civet</i>
<b>KELAS AVES (BURUNG)</b>		
<i>Anatidae</i> (Itik, Angsa, swans)	<i>Anas bernieri</i>	<i>Bernier's Teal</i>
	<i>Anas formosa</i>	<i>Baikal Teal</i>
	<i>Branta ruficollis</i>	<i>Red-breasted Goose</i>
	<i>Cairina moschata</i>	<i>Muscovy Duck</i>
	<i>Coscoroba coscoroba</i>	<i>Coscoroba Swan</i>
	<i>Cygnus melanocoryphus</i>	<i>Black-necked Swan</i>
	<i>Dendrocygna arborea</i>	<i>Black-billed Wood-Duck</i>
	<i>Dendrocygna autumnalis</i>	<i>Black-bellied Whistling Duck</i>
	<i>Oxyura leucocephala</i>	<i>White-headed Duck</i>
	<i>Sarkidiornis melanotos</i>	<i>Comb Duck</i>
<i>Apodidae</i> (Layang-Layang)	<i>Collocalia esculenta</i>	Layang-layang Perut Putih
<i>Balaenicipitidae</i> (Shoebill)	<i>Balaeniceps rex</i>	<i>Shoebill</i>
<i>Burhinidae</i> (Thick-knee)	<i>Burhinus bistriatus</i>	<i>Double-striped Thick-knee</i>
<i>Cacatuidae</i> (Kakak tua)	<i>Cacatua spp.</i> (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Kakak tua

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Collocephalon fimbriatum</i>	<i>Gang-gang Cockatoo</i>
	<i>Calyptorhynchus</i> spp.	<i>Kakaktua Hitam</i>
	<i>Eolophus roseicapillus</i>	<i>Galah</i>
<i>Capitonidae</i> ( <i>Barbet</i> )	<i>Semnornis ramphastinus</i>	<i>Toucan Barbet</i>
<i>Cathartidae</i> ( <i>New world vultures</i> )	<i>Sarcoramphus papa</i>	<i>King Vulture</i>
<i>Ciconiidae</i> ( <i>Botak</i> )	<i>Ciconia nigra</i>	<i>Botak Hitam</i>
<i>Columbidae</i> ( <i>Punai</i> )	<i>Gallicolumba luzonica</i>	<i>Bleeding-heart Dove</i>
	<i>Goura</i> spp.	<i>Crowned Pigeons</i>
	<i>Nesoenas mayeri</i>	<i>Pink Pigeon</i>
<i>Cotingidae</i> ( <i>Cotingas</i> )	<i>Cephalopterus ornatus</i>	<i>Amazonian Umbrellabird</i>
	<i>Cephalopterus penduliger</i>	<i>Long-wattled Umbrellabird</i>
	<i>Rupicola</i> spp.	<i>Cocks-of-the- Rock</i>
<i>Cracidae</i> ( <i>Chachalacas,</i> <i>currassows, guans</i> )	<i>Crax alberti</i>	<i>Albert's Currasow</i>
	<i>Crax daubentoni</i>	<i>Daubenton's Currasow</i>
	<i>Crax globulosa</i>	<i>Wattled Currasow</i>
	<i>Crax rubra</i>	<i>Globose Currasow</i>
	<i>Ortalis vetula</i>	<i>Chalaca</i>
	<i>Pauxi pauxi</i>	<i>Helmeted Currasow</i>
	<i>Penelope purpurascens</i>	<i>Crested Guan</i>
	<i>Penelopina nigra</i>	<i>Black Chachalaca</i>
<i>Emberizidae</i> ( <i>Cardinals,</i> <i>tanagers</i> )	<i>Gubernatrix cristata</i>	<i>Yellow Cardinal</i>
	<i>Paroaria capitata</i>	<i>Yellow-billed Cardinal</i>
	<i>Paroaria coronata</i>	<i>Red-crested Cardinal</i>
	<i>Tangara fastuosa</i>	<i>Seven-colored Tanager</i>
<i>Estrildidae</i> ( <i>Mannikins, waxbills,</i> <i>munia</i> )	<i>Lonchura fuscans</i>	<i>Dusky Munia</i>
	<i>Lonchura leucogastra</i>	<i>White-bellied Munia</i>
	<i>Lonchura maja</i>	<i>White-headed Munia</i>
	<i>Lonchura malcca</i>	<i>Black-headed Munia</i>
	<i>Lonchura oryzivora</i>	<i>Java Sparrow</i>
	<i>Lonchura punctulata</i>	<i>Scaly-breasted Munia</i>
	<i>Lonchura striata</i>	<i>White-rumped Munia</i>
	<i>Amandava formosa</i>	<i>Green Avadavat</i>
	<i>Poephila cincta cincta</i>	<i>Southern Black-throated Finch</i>
<i>Fringillidae</i> ( <i>Finches</i> )	<i>Carduelis yarrellii</i>	<i>Yellow-faced Siskin</i>
	<i>Serinus gularis</i>	<i>Streaky-headed seed-eater</i>
	<i>Serinus leucopygus</i>	<i>White-rumped seed-eater</i>
	<i>Serinus mozambicus</i>	<i>Yellow-fronted canary</i>

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Glareolidae</i> (Kedidi, <i>pratincoles</i> , <i>coursers</i> )	<i>Glareola pratincola</i>	Kedidi Padang
<i>Gruidae</i> (Keria)	<i>Balearica</i> spp.	Keria Mahkota
	<i>Grus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Keria
<i>Loriidae</i> ( <i>Lories</i> , <i>lorikeets</i> )	<i>Chalcopsitta</i> spp.	<i>Lory</i>
	<i>Chamosyna</i> spp.	<i>Lorikeet</i>
	<i>Eos</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Red Lory</i>
	<i>Glossopsitta</i> spp.	<i>Lorikeet</i>
	<i>Lorius</i> spp.	<i>Naped Lory</i>
	<i>Neopsittacus musschenbroekii</i>	<i>Yellow-billed Lorikeet</i>
	<i>Neopsittacus pullicauda</i>	<i>Emerald Lorikeet</i>
	<i>Oreopsittacus arfaki</i>	<i>Plum-faced Lorikeet</i>
	<i>Phigys solitarius</i>	<i>Collared Lory</i>
	<i>Pseudeos fuscata</i>	<i>Dusky Lory</i>
	<i>Psittuteles</i> spp.	<i>Lorikeet</i>
	<i>Trichoglossus</i> spp.	
	<i>Vini</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Lorikeet</i>
<i>Muscicapidae</i> ( <i>Old world flycatchers</i> )	<i>Acrocephalus rodericanus</i>	<i>Rodrigues Brush-Warbler</i>
	<i>Cyornis ruckii</i>	Sambar Ruki
	<i>Garrulax canorus</i>	Rimba Hawaii
	<i>Leiothrix argentauris</i>	Rimba Telinga Perak
	<i>Leiothrix lutea</i>	Rimba Paruh Merah
	<i>Liocichla omeiensis</i>	<i>Emei Shan Liocichla</i>
	<i>Terpsiphone bourbonensis</i>	<i>Mascarene Paradise-Flycatcher</i>
<i>Musophagidae</i> ( <i>Turacos</i> )	<i>Tauraco porphyrolophus</i>	<i>Purple-crested Turaco</i>
	<i>Tauraco</i> spp.	<i>Turacos</i>
<i>Otididae</i> ( <i>Jaguh</i> )	<i>Otididae</i> spp.	
	<i>Ardeotis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Jaguh
	<i>Eupodotis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	Jaguh
	<i>Neotis</i> spp.	Jaguh
	<i>Otis tarda</i>	Jaguh Rumput
	<i>Tetrax tetrax</i>	Jaguh Kecil

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Paradisaeidae</i> (Cenderawasih)	<i>Astrapia</i> spp.	<i>Astrapias</i>
	<i>Cicinnurus</i> spp.	Cenderawasih
	<i>Cnemophilus</i> spp.	Cenderawasih
	<i>Epimachus</i> spp.	<i>Sicklebill</i>
	<i>Loboparadisea sericea</i>	Burung Dewata Berpial
	<i>Lophorina superba</i>	<i>Superb Bird of Paradise</i>
	<i>Lycocorax pyrrhopterus</i>	Burung Gagak Syurga
	<i>Macgregoria pulchra</i>	<i>Macgregor's Bird of Paradise</i>
	<i>Manucodia</i> spp.	<i>Manucodes</i>
	<i>Melampitta</i> spp.	<i>Melampittas</i>
	<i>Paradigalla</i> spp.	<i>Paradigallas</i>
	<i>Paradisaea</i> spp.	Cenderawasih
	<i>Parotia</i> spp.	<i>Parotia</i>
	<i>Pteridophora alberti</i>	Burung Dewata Pembawa
	<i>Ptiloris</i> spp.	<i>Riflebirds</i>
<i>Seleucidis melanoleuca</i>	Burung Dewata Dua Belas Kawat	
<i>Semioptera wallacii</i>	Burung Plat	
<i>Phasianidae</i> (Grouse, guineafowl, partridges, kuang, tragopan)	<i>Arborophila orientalis</i>	<i>Bar-backed Partridge</i>
	<i>Gallus sonneratii</i>	<i>Grey Junglefowl</i>
	<i>Ithaginis cruentus</i>	Kuang Darah
	<i>Meleagris ocellata</i>	<i>Ocellated Turkey</i>
	<i>Polyplectron bicalcaratum</i>	Kuang Kelabu
	<i>Polyplectron germaini</i>	Kuang Candan
	<i>Tragopan satyra</i>	<i>Crimson Horned Pheasant</i>
<i>Phoenicopteridae</i> (Flamingos)	<i>Phoenicopterus</i> spp.	<i>Flamingos</i>
<i>Ploceidae</i> (Weavers, whydahs)	<i>Ploceus philippinus</i>	Ciak Tempua
<i>Psittacidae</i> (Amazon, macaws, parakeets, parrots)	<i>Loriculus galgulus</i>	Serindit
	<i>Agapornis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua)	<i>Lovebirds</i>
	<i>Nipponia nippon</i>	<i>Crested Ibis</i>
<i>Timaliidae</i> ( <i>Rimba</i> )	<i>Alcippe brunneicauda</i>	Rimba Murai Coklat
	<i>Alcippe castaneiceps</i>	Rimba Murai Batu
	<i>Alcippe peracensis</i>	Rimba Murai Gunung

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Cutia nipalensis</i>	Rimba Kutia
	<i>Eupetes macrocerus</i>	Rimba Malaysia
	<i>Gampsorhynchus rufulus</i>	Rimba Tudung Putih
	<i>Garrulax erythrocephalus</i>	Chestnut-crowned Laughingthrush
	<i>Garrulax lugubris</i>	Black Laughingthrush
	<i>Garrulax mitratus</i>	Chestnut-capped Laughingthrush
	<i>Garrulax pelliatus</i>	Sunda Laughingthrush
	<i>Heterophasia picaoides</i>	Sibia Ekor Panjang
	<i>Kenopia striata</i>	Rimba Tanda Hujan
	<i>Leiothrix argentaurus</i>	Rimba Telinga Merah
	<i>Macronous gularis</i>	Rimba Berjalur
	<i>Macronous ptilosus</i>	Rimba Pong Pong
	<i>Malacocincla abbotti</i>	Rimba Riang
	<i>Malacocincla malaccensis</i>	Rimba Ekor Pendek
	<i>Malacocincla sepiarium</i>	Rimba Hutan
	<i>Malacopteron affine</i>	Rimba Tinjau Belukar
	<i>Malacopteron albogulare</i>	Rimba Dahan
	<i>Malacopteron cinereum</i>	Rimba Tua Kecil
	<i>Malacopteron magnirostre</i>	Rimba Bermisai
	<i>Malacopteron magnum</i>	Rimba Tua Besar
	<i>Minla cyanouroptera</i>	Rimba Murai Gunung
	<i>Minla strigula</i>	Rimba Murai Keladi
	<i>Napothera atrigularis</i>	Black-throated Wren- Babbler
	<i>Napothera brevicaudata</i>	Rimba Tunggul
	<i>Napothera crassa</i>	Rimba Gunung
	<i>Napothera epilepidota</i>	Rimba Bercelak
	<i>Napothera macrodactyla</i>	Rimba Besar Hujan
	<i>Napothera marmorata</i>	Rimba Pacat
	<i>Pellorneum capistratum</i>	Rimba Kopiah Hitam
	<i>Pellorneum pyrrogenys</i>	Rimba Timmink
	<i>Pellorneum ruficeps</i>	Rimba Bintik-Bintik
	<i>Pnoepyga pusilla</i>	Rimba Lompat
	<i>Pomatorhinus hypoleucos</i>	Rimba Paya
	<i>Pomatorhinus montanus</i>	Rimba Hulu
	<i>Pteruthius flaviscapis</i>	Rimba Cekup Belalang
	<i>Pteruthius melanotis</i>	Rimba Cekup Telinga Hitam
	<i>Ptilocichla leucogrammica</i>	Borneon Wren-Babbler

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Stachyris chrysea</i>	Rimba Mas
	<i>Stachyris erythroptera</i>	Rimba Merbah Sampah
	<i>Stachyris leucotis</i>	Rimba Rembang
	<i>Stachyris maculata</i>	Rimba Rembang Besar
	<i>Stachyris nigriceps</i>	Rimba Leher Kelabu
	<i>Stachyris nigricollis</i>	Rimba Bertam
	<i>Stachyris poliocephala</i>	Rimba Kepala Kelabu
	<i>Stachyris rufifrons</i>	Rimba Api
	<i>Trichastoma bicolour</i>	Rimba Sampah
	<i>Trichastoma rostratum</i>	Rimba Telunjuk
	<i>Trichastoma tickelli</i>	Rimba Ranting
	<i>Yuhina everetti</i>	Chestnut-crested Yuhina
	<i>Yuhina zantholeuca</i>	Yuhina Perut Putih
<i>Tinamidae</i> ( <i>Tinamou</i> )	<i>Tinamus solitarius</i>	<i>Solitary Tinamou</i>
<i>Trochilidae</i> ( <i>Hummingbirds</i> )	<i>Glaucis dohrnii</i>	<i>Hook-billed Hermit</i>
<i>Trogonidae</i> ( <i>Quetzal</i> )	<i>Harpactes diardii</i>	Kesumba Bukit
	<i>Harpactes duvaucelii</i>	Kesumba Puteri
	<i>Harpactes erythrocephalus</i>	Kesumba Gunung
	<i>Harpactes kasumba</i>	Kesumba Batang
	<i>Harpactes oreskios</i>	Kesumba Harimau
	<i>Harpactes orrhophaeus</i>	Kesumba Pelanduk
	<i>Harpactes whiteheadi</i>	Kesumba Whitehead
	<i>Pharomachrus mocinno</i>	<i>Magnificent Quetzal</i>
<i>Turdidae</i> ( <i>Thrushes</i> )	<i>Brachypteryx leucophrys</i>	Murai Kakap
	<i>Brachypteryx montana</i>	Murai Alis Putih
	<i>Chlamydochaera jefferyi</i>	<i>Fruit Hunter</i>
	<i>Copsycus stricklandii</i>	<i>White-crowned Shama</i>
	<i>Enicurus leschenaulti</i>	Murai Cegar Belukar
	<i>Enicurus ruficapillus</i>	Murai Cegar
	<i>Enicurus schistaceus</i>	Murai Cegar Berjalur
	<i>Luscinia calliope</i>	Murai Sawa
	<i>Luscinia cyane</i>	Murai Siberia
	<i>Luscinia ruficeps</i>	Murai Kepala Merah
	<i>Monticola gularis</i>	Murai Batu Rengkong Putih
	<i>Monticola solitarius</i>	Murai Batu Tarung
	<i>Myiomela leucura</i>	Murai Ekor Putih
	<i>Myophonus robinsoni</i>	Murai Tiong Batu
	<i>Myophonus caeruleus</i>	Murai Batu Siul



<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Myophonus glaucinus</i>	Murai Batu Sunda
	<i>Oenanthe oenanthe</i>	Northen Wheatear
	<i>Saxicola caprata</i>	Murai Batu Belang
	<i>Saxicola torquata</i>	Murai Batu Pejal
	<i>Tarsiger cyanurus</i>	Murai Belukar
	<i>Trighixos pyrropyga</i>	Murai Rimba Ekor Kuning
	<i>Turdus obscurus</i>	Murai Batu Kubur
	<i>Turdus poliocephalus</i>	Murai Batu Pulau
	<i>Zoothera citrina</i>	Murai Belanda
	<i>Zoothera dauma</i>	Murai Batu Putih
	<i>Zoothera everetti</i>	Murai Batu Everett
	<i>Zoothera interpres</i>	Murai Batu Tanah
	<i>Zoothera sibirica</i>	Murai Siberia Kelabu
<i>Turnicidae</i> (Puyuh)	<i>Turnix suscitator</i>	Puyuh
<i>Tytonidae</i> (Jampok)	<i>Phodilus badius</i>	Jampok Pantai
	<i>Tyto alba</i>	Jampok Kubur
	<i>Tyto capensis</i>	Grass Owl
	<i>Phodilus prigoginei</i>	African Bay Owl
	<i>Tyto soumagnei</i>	Madagascar Owl
	<i>Tyto spp.</i>	Owl
<i>Upupidae</i> (Hoopoe)	<i>Upupa epops</i>	Hupo Tunggal
<i>Zosteropidae</i> (Mata Putih)	<i>Zosterops everetti</i>	Mata Putih Belukar
	<i>Zosterops albogularis</i>	Mata Putih Dada Putih
<b>KELAS REPTILIA (REPTILIA)</b>		
<i>Alligatoridae</i> (Alligators, caimans)	<i>Alligator sinensis</i>	China Alligator
	<i>Caiman crocodilus apaporiensis</i>	Apaporis River Caiman
	<i>Caiman latirostris</i> (kecuali populasi Argentina yang termasuk dalam Jadual Pertama)	Broad-snouted Caiman
	<i>Melanosuchus niger</i> (kecuali populasi Brazil dan Ecuador yang termasuk dalam Jadual Pertama)	Black Caiman
<i>Boidae</i> (Boas)	<i>Acrantophis spp.</i>	Madagascar Ground Boa
	<i>Boa constrictor occidentalis</i>	Argentine Boa Constrictor
	<i>Epicrates inornatus</i>	Yellow Tree Boa
	<i>Epicrates monensis</i>	Mona Island Boa

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
	<i>Epicrates subflavus</i>	<i>Jamaican Boa</i>
	<i>Sanzinia madagascariensis</i>	<i>Madagascar Tree Boa</i>
<i>Bolyeriidae</i> ( <i>Round Island boas</i> )	<i>Bolyeria multocarinata</i>	<i>Round Island Burrowing Boa</i>
	<i>Casarea dussumieri</i>	<i>Round Island Keel-scaled Boa</i>
<i>Chamaeleonidae</i> ( <i>Chameleons</i> )	<i>Brookesia perarmata</i>	<i>Armoured Leaf Chameleon</i>
<i>Chelidae</i> ( <i>Austro-American side-necked turtles</i> )	<i>Chelodina mccordi</i>	<i>Roti Island Snake-necked Turtle</i>
	<i>Chelodina parkeri</i>	<i>Parker's Snake-necked Turtle</i>
	<i>Chelodina pritchardi</i>	<i>Pritchard's Snake-necked Turtle</i>
	<i>Pseudemydura umbrina</i>	<i>Western Swamp Turtle</i>
<i>Crocodylidae</i> ( <i>Buaya</i> )	<i>Crocodylus porosus</i>	<i>Buaya Tembaga</i>
	<i>Tomistoma schlegelii</i>	<i>Buaya Julung-Julung</i>
	<i>Crocodylus acutus</i>	<i>American Crocodile</i>
	<i>Crocodylus cataphractus</i>	<i>African Slender-snouted Crocodile</i>
	<i>Crocodylus intermedius</i>	<i>Orinoco Crocodile</i>
	<i>Crocodylus mindorensis</i>	<i>Philippine Crocodile</i>
	<i>Crocodylus moreletii</i>	<i>Morelet's Crocodile</i>
	<i>Crocodylus niloticus</i>	<i>Nile Crocodile</i>
	<i>Crocodylus palustris</i>	<i>Marsh Crocodile</i>
	<i>Crocodylus rhombifer</i>	<i>Cuban Crocodile</i>
	<i>Crocodylus siamensis</i>	<i>Siamese Crocodile</i>
	<i>Osteolaemus tetraspis</i>	<i>African Dwarf Crocodile</i>
<i>Emydidae</i> ( <i>Kura-kura Katup, Kura-kura Air Tawar</i> )	<i>Batagur baska</i>	<i>Tuntung</i>
	<i>Clemmys muhlenbergi</i>	<i>Bog Turtle</i>
	<i>Geoclemys hamiltonii</i>	<i>Black Pond Turtle</i>
	<i>Kachuga tecta</i>	<i>Dura Turtle</i>
	<i>Melanochelys tricarinata</i>	<i>Three-keeled Land Tortoise</i>
	<i>Morenia ocellata</i>	<i>Bengal Eyed Terrapin</i>
	<i>Terrapene coahuila</i>	<i>Aquatic Box Turtle</i>
<i>Gavialidae</i> ( <i>Gavial</i> )	<i>Gavialis gangeticus</i>	<i>Gavial</i>
<i>Iguanidae</i> ( <i>Iguana</i> )	<i>Brachylophus</i> spp.	<i>Fijian iguanas</i>
	<i>Cyclura</i> spp.	<i>Ground iguanas</i>
	<i>Sauromalus varius</i>	<i>Piebald Chuckwalla</i>
<i>Lacertidae</i> ( <i>Lizards</i> )	<i>Gallotia simonyi</i>	<i>Hierro Giant Lizard</i>

<i>Famili</i>	<i>Nama Sainifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Pythonidae</i> (Ular Sawa)	<i>Python brongersmai</i>	Ular Sawa Darah
	<i>Python molurus molurus</i>	Indian Python
<i>Sphenodontidae</i> (Tuatara)	<i>Sphenodon</i> spp.	Tuataras
<i>Testudinidae</i> (Kura-kura)	<i>Geochelone nigra</i>	Galapagos Giant Tortoise
	<i>Geochelone radiata</i>	Radiated Tortoise
	<i>Geochelone yniphora</i>	Madagascar Tortoise
	<i>Gopherus flavomarginatus</i>	Bolson Tortoise
	<i>Psammobates geometricus</i>	Geometric Tortoise
	<i>Pyxis arachnoides</i>	Spider Tortoise
	<i>Pyxis planicauda</i>	Flat-backed Spider Tortoise
	<i>Testudo kleinmanni</i>	Egyptian Tortoise
	<i>Testudo wernerii</i>	Negev Tortoise
<i>Trionychidae</i> (Labi-labi, Tuntung)	<i>Apalone ater</i>	Cuatro Cienegas Softshell
	<i>Aspideretes gangeticus</i>	Indian Softshell Turtle
	<i>Aspideretes hurum</i>	Peacock Soft-shell Turtle
	<i>Aspideretes nigricans</i>	Black Softshell Turtle
<i>Varanidae</i> (Biawak)	<i>Varanus bengalensis</i>	Biawak Tikus
	<i>Varanus rudicollis</i>	Biawak Serunai
	<i>Varanus dumerilli</i>	Biawak Kudung
	<i>Varanus flavescens</i>	Yellow Monitor
	<i>Varanus griseus</i>	Desert Monitor
	<i>Varanus komodoensis</i>	Biawak Komodo
	<i>Varanus nebulosus</i>	Clouded Monitor
<i>Viperidae</i> (Vipers)	<i>Vipera ursinii</i>	Meadow Viper
<b>KELAS AMFIBIA (AMFIBIA)</b>		
<i>Bufo</i> (Toads)	<i>Altiphrynoides</i> spp.	Ethiopian toads
	<i>Atelopus zeteki</i>	Cerro Campana Stubfoot Toad
	<i>Bufo periglenes</i>	Orange Toad
	<i>Bufo superciliaris</i>	Cameroon Toad
	<i>Nectophrynoides</i> spp.	African viviparous toads
	<i>Nimbaphrynoides</i> spp.	Nimba toads
	<i>Spinophrynoides</i> spp.	Osgood's Ethiopian Toad

<i>Famili</i>	<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<i>Cryptobranchidae</i> ( <i>Giant salamanders</i> )	<i>Andrias</i> spp.	<i>Giant Salamanders</i>
<i>Microhylidae</i> ( <i>Red rain frog, tomato frog</i> )	<i>Dyscophus antongilii</i>	<i>Tomato Frog</i>
<b>KELAS INSEKTA (SERANGGA)</b>		
<i>Papilionidae</i> ( <i>Birdwing butterflies, swallowtail butterflies</i> )	<i>Ornithoptera alexandrae</i>	<i>Queen Alexandra's Birdwing</i>
	<i>Papilio chikae</i>	<i>Luzon Peacock Swallowtail</i>
	<i>Papilio homerus</i>	<i>Homerus Swallowtail</i>
	<i>Papilio hospiton</i>	<i>Corsican Swallowtail</i>
<b>KELAS GASTROPODA (SIPUT DAN SIPUT KON)</b>		
<i>Achatinellidae</i> ( <i>Agate snails</i> )	<i>Achatinella</i> spp.	<i>Oahu tree snails</i>

## JADUAL KETIGA

[seksyen 3]

## Standard Kematangan

**Hidupan Liar Dilindungi Sepenuhnya**

*Elephant–Elephas maximus*–Gajah: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika tinggi kurang dari 250 cm, panjang kepala dan badan kurang dari 400 cm.

*Sumatran Rhinoceros–Dicerorhinus sumatrensis*–Badak Sumatra: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 240 cm, panjang ekor kurang dari 65 cm, tinggi paras bahu kurang dari 100 cm dan gigi kacip dalam rahang atas tiada.

*Gaur–Bos gaurus hubbacki*–Seladang: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika tinggi kurang dari 250 cm, tinggi paras bahu kurang dari 170 cm dan panjang ekor kurang dari 70 cm.

*Tapir –Tapirus indicus* –Tapir: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika badan berjalur kuning dengan titik putih, tinggi paras bahu kurang dari 90 cm dan panjang kepala dan badan kurang dari 220 cm.

*Tiger–Panthera tigris*–Harimau Belang: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 170 cm, panjang ekor kurang dari 95 cm dan ukuran paling lebar pada bahagian gigi taring kurang dari 2.4 cm.

*Malayan Sun Bear–Helarctos malayanus*–Beruang: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 100 cm.

*Leopard, Panther–Panthera pardus*–Harimau Bintang, Harimau Kumbang: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 108 cm dan panjang ekor kurang dari 80 cm.

*Clouded Leopard–Pardofelis nebulosa*–Harimau Dahan: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 65 cm dan panjang ekor kurang dari 55 cm.

*Flat-headed Cat–Prionailurus planiceps*–Kucing Hutan: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 46.5 cm dan panjang ekor kurang dari 12.8 cm.

*Serow–Naemorhedus sumatraensis*–Kambing Gurun, Kambing Bukit, Kambing Hutan: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 140 cm, tinggi paras bahu kurang dari 85 cm, panjang ekor kurang dari 11.5 cm dan lengkungan luar tanduk berukuran kurang dari 12.7 cm.

*Pangolin, Scaly Anteater–Manis javanica*–Tenggiling: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 42.5 cm dan panjang ekor kurang dari 34 cm.

*Slow Loris–Nycticebus coucang*–Kongkang: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 30 cm dan panjang ekor kurang dari 1 cm.

*Clouded Monitor–Varanus bengalensis*–Biawak Tikus: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 60 cm.

*Harlequin Monitor–Varanus rudicollis*–Biawak Serunai: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 60 cm.

*Dumeril's Monitor–Varanus dumerilli*–Biawak Kudung: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 60 cm.

*Crocodile–Crocodylus porosus*–Buaya Tembaga: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 180 cm.

*Gharial–Tomistoma schlegelii*–Buaya Julung-Julung: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 180 cm.

*Blood Python–Python brongersmai*–Ular Sawa Darah: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 75 cm.

Burung hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika anak burung itu belum berupaya untuk terbang atau belum berbulu sepenuhnya.

**Hidupan Liar Yang Dilindungi**

*Sambar Deer—Cervus unicolor equinus*—Rusa: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang kepala dan badan kurang dari 180 cm, tinggi paras bahu kurang dari 140 cm, panjang ekor kurang dari 25 cm, panjang tanduk kurang dari 35.6 atau ukur lilitnya kurang dari 14 cm dan yang betina hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika tinggi paras bahu kurang dari 101.6 cm.

*Monitor Lizard—Varanus salvator*—Biawak: hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika panjang keseluruhan, termasuk ekor kurang dari 75 cm.

Burung hendaklah disifatkan sebagai tidak matang jika anak burung itu yang belum berupaya untuk terbang atau belum berbulu sepenuhnya.

## JADUAL KEEMPAT

[seksyen 3]

## RACUN

Racun tikus (*Zinc phosphide*)

*Sodium Arsenite (Sodium Arsenite)*

## JADUAL KELIMA

[seksyen 3, 117]

## SPESIES TERKAWAL

## Tafsiran Jadual Kelima

1. Spesies yang termasuk dalam Jadual ini disebut—
  - (a) dengan nama spesies itu; atau
  - (b) sebagai semua spesies yang termasuk dalam suatu takson yang lebih tinggi atau bahagian yang ditetapkan daripadanya.
2. Singkatan “spp.” digunakan untuk menandakan semua spesies daripada suatu takson yang lebih tinggi.
3. Sebutan lain mengenai taksa yang lebih tinggi daripada spesies adalah bagi maksud maklumat atau pengelasan sahaja. Nama biasa yang dimasukkan selepas nama saintifik bagi sesuatu keluarga adalah untuk rujukan sahaja. Ia bertujuan untuk menunjukkan spesies dalam keluarga yang berkenaan yang dimasukkan dalam Jadual ini. Dalam kebanyakan hal, ini bukanlah semua spesies dalam keluarga itu.
4. Jika terdapat percanggahan antara istilah saintifik dengan istilah biasa dalam penggunaan nama mana-mana spesies dalam Jadual ini, istilah saintifik hendaklah terpakai.

<i>Nama Saintifik</i>	<i>Nama Biasa</i>
<b>KELAS MAMALIA (MAMALIA)</b>	
<i>Vulpes vulpes</i>	<i>Red Fox</i>
<i>Cervus elaphus</i>	<i>European Red Deer</i>
<i>Herpestes javanicus</i>	<i>Small Indian Mongoose</i>
<i>Rattus rattus</i>	<i>European House Rat</i>
<i>Mustela erminea</i>	<i>Short-Tailed Weasel</i>
<i>Sciurus carolinensis</i>	<i>Gray Squirrel</i>
<i>Myocastor coypus</i>	<i>Nutria</i>
<i>Trichosurus vulpecula</i>	<i>Brushtail Possum</i>
<b>KELAS AVES (BURUNG)</b>	
<i>Sturnus vulgaris</i>	<i>European Starling</i>
<i>Pycnonotus cafer</i>	<i>Red-Vented Bulbul</i>
<i>Columba livia</i>	<i>Rock Pigeon</i>
<b>KELAS REPTILIA (REPTILIA)</b>	
<i>Boiga irregularis</i>	<i>Brown Tree Snake</i>
<i>Trachemys scripta elegans</i>	<i>Red-Eared Slider</i>
<i>Crotalus</i> spp.	<i>Rattle Snake</i>
<i>Sistrurus</i> spp.	<i>Pigmy Rattle Snake</i>
<i>Dendroaspis polylepis</i>	<i>Mamba</i>
<b>KELAS AMFIBIA (AMFIBIA)</b>	
<i>Bufo marinus</i>	<i>American Giant Toad</i>
<i>Eleutherodactylus coqui</i>	<i>Caribbean Tree Frog</i>
<i>Rana catesbeiana</i>	<i>North American Bullfrog</i>
<b>KELAS INSEKTA (SERANGGA)</b>	
<i>Bemisia tabaci</i>	<i>Cotton Whitefly</i>
<i>Cinara cupressi</i>	<i>Cypress Aphid</i>
<i>Lymantria dispar</i>	<i>Asian Gypsy Moth</i>
<i>Trogoderma granarium</i>	<i>Khapra Beetle</i>
<i>Vespula vulgaris</i>	<i>Common Yellow-jacket</i>

## JADUAL KEENAM

[seksyen 51]

## SENARAI HIDUPAN LIAR BAGI MAKANAN ORANG ASLI

<i>Nama saintifik</i>	<i>Nama biasa</i>
<i>Sus scrofa</i>	Babi Hutan
<i>Cervus unicolor equinus</i>	Rusa
<i>Tragulus spp.</i>	Pelanduk
<i>Macaca nemestrina</i>	Berok
<i>Presbytis cristata</i>	Lotong Kelabu
<i>Presbytis obscura</i>	Lotong Cengkong
<i>Hystrix brachyura</i>	Landak Raya
<i>Atherurus macrourus</i>	Landak Nibong
<i>Amaurornis phoenicurus</i>	Ruak-Ruak
<i>Chalcophaps indica</i>	Punai tanah

## JADUAL KETUJUH

[seksyen 3]

## JERAT

Jerat ertinya apa-apa jenis perangkap yang —

- (a) dibuat daripada kabel dawai ringan yang disimpul melalui peranti kekunci atau diikat dengan tali nilon kecil yang akan mengetat kuat apabila ditarik oleh haiwan;
- (b) mengandungi dua besi berbentuk empat segi berengsel memanjang di bahagian tengah untuk membuka dan menutup seperti gunting. Satu rahangnya mempunyai suatu picu yang boleh diumpan. Manakala satu rahang lagi mempunyai suatu kancing dan dog yang boleh menahan supaya terbuka;
- (c) dipetik picu oleh suatu peranti tegangan, berat haiwan yang memijak antara rahang menyebabkan rahang itu menghempas dan menyepit kaki mangsa atau mana-mana bahagian badan dalam cengkaman yang sukar dilepaskan.

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (“Akta yang dicadangkan”) ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar, pelesenan aktiviti tertentu berkenaan dengan hidupan liar tertentu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.



Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [*Akta 76*] ialah undang-undang utama yang mengawal selia hidupan liar di negara ini. Selepas 33 tahun, terdapat keperluan untuk memberikan nafas baru kepada Akta 76 supaya selari dengan keadaan pada masa kini. Masalah hidupan liar, seperti pemburuan dan penyeludupan haram, perlu ditangani dan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang berhubungan dengan hidupan liar yang terlalu rendah sekarang perlu dinaikkan. Satu lagi perkara lain yang perlu ditangani ialah kekurangan kuasa penguatkuasaan.

Oleh yang demikian, Akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk menambah baik peruntukan Akta 76. Dalam Akta yang dicadangkan ini, peruntukan yang berhubungan dengan pelesenan aktiviti-aktiviti berkaitan hidupan liar telah diperhalusi semula. Akta yang dicadangkan ini turut menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada hidupan liar dengan menaikkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan dan memberikan kuasa penguatkuasaan yang lebih luas pegawai penguat kuasa.

#### BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi peruntukan tentang pemakaian Akta yang dicadangkan.

*Fasal 3* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

#### BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai, dsb.

*Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara dan pegawai-pegawai lain.

*Fasal 5* bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mewakilkan mana-mana kuasa atau tanggungjawabnya kepada mana-mana pegawai.

*Fasal 6* memberikan kuasa kepada Menteri untuk memberikan arahan kepada Ketua Pengarah.

*Fasal 7* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengeluarkan perintah kepada mana-mana pegawai.

*Fasal 8* bertujuan untuk membenarkan seseorang pegawai untuk membawa senjata semasa sedang bertugas.

## BAHAGIAN III

4. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan kehendak pelesenan, dsb.

Bab 1 Bahagian ini secara khususnya menyatakan peruntukan yang berhubungan dengan kehendak bagi lesen, permit atau permit khas untuk aktiviti tertentu. Suatu lesen adalah perlu bagi aktiviti yang berhubungan dengan mana-mana hidupan liar yang dilindungi. Suatu permit diperlukan bagi pengendalian zoo, sarkas atau pameran hidupan liar, pembiakbakaan dalam kurungan komersial dan penyelidikan atau kajian ke atas hidupan liar yang dilindungi. Sebaliknya, suatu permit khas adalah perlu bagi aktiviti yang berhubungan dengan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dan pemburuan semasa musim tutup.

*Fasal 9* mengandungi peruntukan mengenai kehendak aktiviti tertentu supaya dilesenkan.

*Fasal 10* mengandungi peruntukan mengenai kehendak permit bagi aktiviti tertentu.

*Fasal 11* mengandungi peruntukan mengenai kehendak permit khas bagi aktiviti tertentu.

Bab 2 Bahagian ini dengan khusus menyatakan peruntukan berhubung dengan permohonan bagi lesen, permit atau permit khas, pemberian, penggantungan dan pembatalannya, dsb.

*Fasal 12* memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon lesen atau permit hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada pegawai pelesen.

*Fasal 13* bertujuan untuk membenarkan seorang pegawai pelesen untuk meminta daripada pemohon apa-apa maklumat atau dokumen lanjut untuk dikemukakan kepadanya. Jika pemohon gagal untuk membekalkan maklumat atau dokumen yang diminta, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

*Fasal 14* memperkatakan mengenai pemberian lesen, permit atau permit khas.

*Fasal 15* bertujuan untuk memberi pegawai pelesen kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat, pada lesen, permit atau permit khas.

*Fasal 16* memperuntukkan bahawa suatu lesen, permit atau permit khas adalah sah bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khas itu.

*Fasal 17* memperkatakan mengenai hal keadaan yang pemegang lesen, permit atau permit khas dikehendaki untuk membawa, mempamerkan atau mengemukakan lesen, permit atau permit khasnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

*Fasal 18* menghendaki pemegang lesen, permit atau permit khas untuk memaklumkan pegawai pelesen jika terdapat apa-apa perubahan butir-butir yang direkodkan dalam lesen, permit atau permit khasnya.

*Fasal 19* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen, permit atau permit khas, yang lesen, permit atau permit khasnya hilang untuk membuat laporan polis dan menghentikan sementara segala aktiviti yang dibenarkan di bawah lesen, permit atau permit khas itu sehingga suatu salinan lesen, permit atau permit khas itu diperolehi.

*Fasal 20* memperkatakan mengenai penggantian lesen, permit atau permit khas.

*Fasal 21* bertujuan untuk melarang pemegang lesen, permit atau permit khas menyerahhkan apa-apa hak, kewajipan, liabiliti atau obligasi di bawah lesen, permit atau permit khasnya kepada mana-mana orang lain.

*Fasal 22* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen, permit atau permit khas untuk memulangkan lesen, permit atau permit khasnya kepada pegawai pelesen apabila lesen itu habis tempohnya.

*Fasal 23* memperuntukkan bahawa pegawai pelesen boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen, permit atau permit khas dalam hal keadaan tertentu.

*Fasal 24* memperuntukkan bahawa mana-mana lesen, permit atau permit khas yang diberikan dengan melanggar Akta yang dicadangkan adalah tidak sah.

*Fasal 25* bertujuan untuk membenarkan pemohon untuk merayu terhadap apa-apa keputusan pegawai pelesen kepada Menteri.

Bab 3 Bahagian ini mengandungi peruntukan pelbagai.

*Fasal 26* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu lesen untuk memburu hidupan liar yang dilindungi atau suatu permit khas untuk memburu apa-apa hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dengan cara menembak hanya boleh diberikan jika pemohon memegang lesen senjata di bawah Akta Senjata 1960. Lesen senjata itu hendaklah dikemukakan semasa memohon lesen atau permit khas.

*Fasal 27* memperuntukkan bahawa semasa musim tutup, tiada lesen untuk memburu atau mengambil hidupan liar yang dilindungi boleh diberikan.

*Fasal 28* memperkatakan mengenai prasyarat untuk mengendalikan zoo, sarkas atau pameran hidupan liar atau pembiakbakaan dalam kurungan komersial.

*Fasal 29* memperuntukkan bahawa memiliki atau menyimpan mana-mana jerat, atau memasang, meletakkan atau menggunakan mana-mana jerat bagi maksud memburu mana-mana hidupan liar adalah suatu kesalahan.

*Fasal 30* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang dibiakbakakan dalam kurungan bagi maksud komersial hendaklah disifatkan sebagai hidupan liar yang dilindungi dibiakbakakan. Oleh itu, apa-apa aktiviti yang melibatkan penggunaan anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya itu adalah tertakluk kepada lesen atau permit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

*Fasal 31* bertujuan untuk tidak membenarkan seseorang yang pernah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan untuk memegang apa-apa lesen, permit atau permit khas bagi tempoh tidak melebihi lima tahun. Ketidaklayakan ini bermula pada tarikh prosiding berkenaan dengan sabitan diputuskan dengan muktamad.

*Fasal 32* memperuntukkan bahawa seorang pegawai pelesen dibenarkan untuk memberikan lesen atau permit mengikut kuota yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, Menteri boleh memberikan lesen atau permit tambahan dari semasa ke semasa.

*Fasal 33* menghendaki Ketua Pengarah untuk menyimpan dan menyenggarakan daftar yang berhubungan dengan lesen, permit atau permit khas yang diberikan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 34* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menetapkan kaedah-kaedah berkaitan dengan langkah-langkah atau cara-cara pelupusan, pengawalan penyakit dan kuarantin, mana-mana hidupan liar, untuk dipatuhi oleh pengendali zoo, sarkas atau pameran hidupan liar atau pembiakbakakan dalam kurungan komersial.

*Fasal 35* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk menetapkan syarat-syarat untuk dikenakan ke atas lesen, permit atau permit khas yang diberikan di bawah Akta yang dicadangkan.

#### BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan tanggungjawab dan obligasi yang dikenakan ke atas pemburu berlesen.

*Fasal 36* menyatakan tanggungjawab pemburu berlesen untuk merekodkan maklumat tertentu dalam lesennya. Peruntukan ini juga terpakai kepada pemegang permit khas yang memburu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

*Fasal 37* dan *38* masing-masing menghendaki peniaga berlesen dan ahli taksidermi berlesen untuk menyimpan dan menyenggarakan suatu rekod yang mengandungi maklumat tertentu.

*Fasal 39* memperuntukkan bahawa seorang ahli taksidermi berlesen hanya boleh menerima mana-mana hidupan liar untuk disediakan, diawet, diisi atau dilekapkan daripada mana-mana orang jika orang itu memberikan bukti bahawa hidupan liar itu diambil atau diperoleh secara sah.

*Fasal 40* menghendaki pemburu berlesen untuk menjual hidupan liar yang dilindungi yang ditangkap atau diambil olehnya hanya kepada peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen.

*Fasal 41* memperuntukkan bahawa pemungut sarang burung berlesen hendaklah menjual sarang burung yang dipungut olehnya kepada peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen.

*Fasal 42* memperuntukkan bahawa seorang peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen hendaklah membeli atau memperoleh mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi hanya daripada pemburu berlesen, peniaga berlesen, ahli taksidermi berlesen, atau Pengarah jika ia dijual oleh Pengarah menurut Akta yang dicadangkan.

*Fasal 43* menyatakan tempoh hidupan liar yang dilindungi boleh dijual oleh peniaga berlesen.

*Fasal 44* menghendaki peniaga berlesen untuk mengeluarkan resit selepas setiap transaksi jual dan beli.

*Fasal 45* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penandaan mana-mana hidupan liar yang dihasratkan untuk disimpan, dijual, diimport, dieksport, dieksport semula atau dibiak oleh pemegang lesen.

*Fasal 46* menghendaki pemegang lesen, permit atau permit khas untuk memperoleh suatu kebenaran daripada pegawai pelesen jika dia berhasrat untuk menyimpan hidupan liarnya di premis selain premis yang dinyatakan dalam lesen, permit atau permit khasnya.

## BAHAGIAN V

6 Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar.

*Fasal 47* memberi Pihak Berkuasa Negeri kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana tanah Negeri sebagai rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar selepas berunding dengan Menteri.

*Fasal 48* melarang seseorang daripada memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran bertulis daripada Pengarah.

*Fasal 49* bertujuan untuk melarang perbuatan tertentu dalam rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar.

## BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi pengecualian am dan anggapan.

*Fasal 50* memperuntukkan bahawa bagi maksud perlindungan, pengurusan dan penggunaan lestari spesies hidupan liar yang tertentu, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh memburu, menyimpan, membiakkan, mengimport, mengeksport, menjual atau membeli mana-mana spesies hidupan liar.

*Fasal 51* bertujuan membenarkan seseorang orang asli untuk memburu hidupan liar tertentu hanya bagi tujuan makanannya dan makanan bagi anggota keluarganya.

*Fasal 52* membenarkan mana-mana pegawai untuk memburu mana-mana hidupan liar jika hidupan liar itu membahayakan kepada nyawa manusia atau harta atau untuk mencegah hidupan liar itu menderita dengan tidak sepatutnya.

*Fasal 53* membenarkan seorang pemunya atau penduduk tanah untuk menggunakan getah burung jika burung yang memakan bijirin didapati merosakkan atau membinasakan bijirin yang sedang tumbuh dalam masa tanaman itu masak atau sedang masak. Pemunya atau penduduk tanah mesti memperoleh kebenaran Pengarah sebelum menggunakan getah burung.

*Fasal 54* bertujuan untuk membenarkan seorang pemunya atau penduduk tanah untuk menangkap atau membunuh mana-mana hidupan liar yang menyebabkan, atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa hidupan liar itu akan menyebabkan kerosakan yang serius kepada tanaman, sayuran, buah-buahan, pokok, ayam ternakan atau haiwan ternakan dalam milikannya. Pengecualian ini walau bagaimanapun terpakai apabila pemunya atau penduduk itu telah menggunakan usaha yang munasabah untuk menakut-nakutkan hidupan liar itu supaya lari tetapi usaha itu gagal.

*Fasal 55* membenarkan mana-mana orang untuk membunuh mana-mana hidupan liar yang menjadi bahaya serta-merta dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa manusia. Jika hidupan liar menjadi bahaya serta-merta akibat provokasi atau kecederaan yang dibuat oleh orang yang membunuh hidupan liar itu, orang itu hanya terlepas daripada kesalahan berkenaan dengan membunuh hidupan liar itu tetapi dia boleh dipertuduh berkenaan dengan provokasi atau kecederaan itu.

*Fasal 56* bertujuan untuk menganggap bahawa seseorang itu cuba memburu mana-mana hidupan liar jika dia dijumpai memasang, meletakkan, menggunakan atau selainnya memiliki mana-mana haiwan dalam hal keadaan yang terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa haiwan itu digunakan sebagai denak atau umpan.

*Fasal 57* bertujuan untuk menganggap bahawa seseorang itu cuba memburu mana-mana hidupan liar jika jerat dijumpai dalam milikannya.

*Fasal 58* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang penduduk premis dianggap sebagai memiliki mana-mana hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar atau jerat jika hidupan liar, bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar atau jerat itu dijumpai dalam premisnya.

*Fasal 59* memperuntukkan bahawa jika Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diperakui secara bertulis oleh Ketua Pengarah mempunyai pengetahuan khusus atau kemahiran mengenai hidupan liar memberi keterangan dengan bersumpah dalam mahkamah bahawa apa-apa benda atau barang ialah hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, dsb., maka hendaklah sehingga akasnya dibuktikan dianggapkan bahawa benda atau barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar, dsb..

## BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubung dengan kesalahan dan penalti.

Bab 1 Bahagian ini, yang mengandungi *fasal 60* hingga *65*, memperkatakan mengenai kesalahan yang berhubung dengan lesen seperti memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen dan menjalankan perniagaan sebagai peniaga atau ahli taksidermi tanpa lesen.

Bab 2 Bahagian ini, yang mengandungi *fasal 66* dan *67*, memperkatakan mengenai kesalahan yang berhubung dengan permit seperti pengendalian zoo, sarkas atau pameran hidupan liar atau pembiakbakaan dalam kurungan komersial tanpa permit.

Bab 3 Bahagian ini, yang mengandungi *fasal 68* hingga *73*, memperkatakan kesalahan yang berhubung dengan permit khas seperti memburu atau menyimpan, hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang atau hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya atau menjalankan penyelidikan atau kajian ke atas hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, tanpa permit khas.

Bab 4 Bahagian ini, yang mengandungi *fasal 74* hingga *88*, memperkatakan kesalahan pelbagai seperti memburu hidupan liar dalam rizab hidupan liar, memburu hidupan liar yang dilindungi semasa waktu yang dilarang atau musim tutup, memburu hidupan liar dengan racun dan kezaliman terhadap hidupan liar.

## BAHAGIAN VIII

9. Bahagian VIII Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan.

*Fasal 89* bertujuan untuk menjadikan semua kesalahan di bawah Akta sebagai kesalahan boleh tangkap.

*Fasal 90* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 91* memperuntukkan bahawa setiap pegawai penguat kuasa dan mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah *fasal 90* hendaklah diberikan kad kuasa dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kadnya apabila perlu.

*Fasal 92* mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai penguat kuasa untuk mengesan dan menyiasat mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 93, 94, 95, 96, 97 dan 98* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa penangkapan, penggeledahan dan penyitaan dengan waran, penggeledahan dan penyitaan tanpa waran, pemeriksaan orang dan kuasa pegawai penguat kuasa untuk memasuki tanah dan kuasa pegawai penguat kuasa untuk memasuki mana-mana premis bagi maksud pemeriksaan, penentusahan dan pemungutan sampel, masing-masing.

*Fasal 99* bertujuan untuk membenarkan akses kepada data berkomputer.

*Fasal 100 dan 101* mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai penguat kuasa untuk mendirikan suatu rintangan di jalan dan memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut, masing-masing.

*Fasal 102* memperuntukkan bahawa suatu waran boleh diterima walaupun cacat.

*Fasal 103* bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab ke atas seseorang pegawai penguat kuasa untuk menyediakan senarai benda yang disita dan *fasal 104* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pemulangan sementara pengangkut yang disita oleh mahkamah kepada pemunya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah.

*Fasal 105* bertujuan untuk memberi Majistret atau Pengarah kuasa untuk memusnahkan atau melupuskan mana-mana hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang disita.

*Fasal 106* bertujuan untuk membenarkan seseorang pegawai penguat kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.

*Fasal 107* memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa yang menyiasat suatu kes di bawah Akta yang dicadangkan untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan *fasal 108* memperkatakan mengenai kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan.

*Fasal 109* mengadakan peruntukan mengenai pelepasan benda-benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 110* memperkatakan pelucuthakan apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.



*Fasal 111* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana hidupan liar, atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilucuthakkan atau disifatkan sebagai dilucuthakkan di bawah Akta hendaklah menjadi harta Kerajaan.

*Fasal 112* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kos memegang apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan boleh didapatkan sewajarnya jika orang itu didapati bersalah atas suatu kesalahan.

*Fasal 113* memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa benda dalam perjalanan atau berupa perjalanan kuasa di bawah Akta yang dicadangkan boleh didapatkan dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

*Fasal 114* memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menghalang seorang pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kuasa yang diberikan oleh Akta yang dicadangkan atau mana-mana perundangan subsidiarinya melakukan suatu kesalahan.

*Fasal 115* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan pegawai penguat kuasa bagi maksud pelaksanaan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 116* mengadakan peruntukan bagi percantuman kesalahan jika seorang dituduh lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

## BAHAGIAN IX

10. Bahagian IX Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan am.

*Fasal 117* memperuntukkan bahawa spesies yang dikawal tidak dibenarkan untuk disimpan, dijual, dsb..

*Fasal 118* bertujuan untuk menyifatkan hibrid sebagai spesies yang dikawal bagi maksud Akta yang dicadangkan.

*Fasal 119* melarang apa-apa aktiviti penghibridan melainkan jika kebenaran bertulis Ketua Pengarah diperoleh terlebih dahulu.

*Fasal 120* menghendaki seseorang untuk membeli atau memperoleh mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi daripada peniaga berlesen, ahli taksidermi berlesen atau Pengarah.

*Fasal 121* memberi Pengarah kuasa untuk menjual atau melupuskan mana-mana hidupan liar atau bangkai hidupan liar yang tidak dituntut dalam keadaan tertentu.

*Fasal 122* bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab ke atas seseorang yang telah mencederakan mana-mana hidupan liar berbahaya untuk membuat laporan kepada mana-mana pegawai atau pegawai daerah di daerah di mana hidupan liar itu dicerderakan.

*Fasal 123* bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab kepada pegawai awam yang menerima apa-apa laporan atau aduan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Akta yang dicadangkan, atau mana-mana hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar untuk memaklumkan mana-mana pegawai mengenai perkara itu.

*Fasal 124* mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

*Fasal 125* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan am.

*Fasal 126* berkaitan dengan pengkompaunan kesalahan.

*Fasal 127* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulaan pendakwa.

*Fasal 128* mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai dan orang lain yang menjalankan kuasa di bawah Akta yang dicadangkan daripada guaman undang-undang jika tindakan dilakukan dengan suci hati.

*Fasal 129* mengadakan peruntukan bagi Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai bagi pegawai-pegawai.

*Fasal 130* memperkatakan mengenai perlindungan pemberi maklumat.

*Fasal 131* berhubungan dengan ganjaran.

*Fasal 132, 133 dan 134* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan atau mana-mana perundangan subsidiarinya dan untuk meminda Jadual-Jadual melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, masing-masing.

*Fasal 135 dan 136* memperkatakan mengenai peruntukan pemansuhan dan kecualian dan peruntukan peralihan, masing-masing.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2227]